

KELUARAN KE-11

e-BULETIN

JSKM

EDISI APRIL 2024

USAH GUSAR MENJADI PEMIMPIN

*"Setiap dari kita ada ciri-ciri
kepimpinan sama ada ianya
terserlah atau tersembunyi."*

TS. JAMAL OTHMAN

FALSAFAH
HUKUM
JINAYAH
ISLAM

TIPS MEMBANTU
ANAK MENGHAFAZ
AL-QURAN DARI
KECIL

KISAH DUKA BAYI
DI PALESTIN

FASA DI HUJUNG
NYAWA



e-ISSN-2637-0077

-
- 03** Kata Alu-aluan
Ketua Editor
 - 04** Setinta Kata dari
Koordinator
 - 05** Usah Gusar Menjadi
Pemimpin
 - 06** Pelaporan Aktiviti
 - 11** Perkongsian
 - 60** Puisi
 - 67** Permainan

ISI KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN KETUA EDITOR

“

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua pembaca.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat-Nya Unit Penerbitan e-Buletin, Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) berjaya menerbitkan e-Buletin JSKM Edisi 11, sesi 20242. Edisi kali ini menampilkan cover figure yang sangat berpengalaman. Istimewa kali ini ditampilkan Ts. Jamal Othman yang berkongsi berkaitan tanggungjawab sebagai pemimpin di UiTM. Perkongsian beliau diharap dapat dijadikan rujukan serta meningkatkan motivasi pembaca sekalian.

Dalam terbitan ini, kami menghadirkan ragam artikel yang bervariasi dan inspiratif, yang diharapkan dapat membuka minda dan membawa wawasan baharu kepada pembaca setia kami. Dalam setiap halaman, kami berusaha untuk menyediakan kandungan yang informatif, menghiburkan, di samping mendidik.

Edisi kali ini turut menampilkan penulisan berkaitan konflik yang berpanjangan di Palestin, juga kehidupan sehari-hari masyarakat di sana. Di tengah-tengah ketegangan dan penderitaan, masih ada keajaiban kemanusiaan dan kecekalan yang menginspirasi daripada rakyat Palestin. Dalam perkongsian kisah-kisah Palestin, kami berharap dapat membuka mata dan hati pembaca kami untuk melihat lebih dari sekadar informasi.

Terima kasih atas sokongan pembaca yang tidak ternilai. Selamat membaca!

”



Dr. Siti Nurleena Abu Mansor



Edisi April 2024

Sidang Redaksi:

Ketua Editor

Dr. Siti Nurleena Abu Mansor

Editor

Ts. Jamal Othman

Pn. Siti Mariam Saad

En. Ahmad Rashidi Azudin

Terbitan:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang



setinta kata dari KOORDINATOR

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur kepada Allah SWT, kita telah berjaya menerbitkan e-Buletin JSKM Edisi ke-11, sesi 20242 ini. Di kesempatan ini ingin saya mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat, yang telah meluangkan masa dan usaha yang besar dalam menyempurnakan penerbitan e-Buletin pada kali ini serta semua warga JSKM hingga kita dapat merealisasikan usaha ini. Tanpa kerjasama dan sokongan dari semua, pencapaian ini tidak akan tercapai. Pada masa yang sama, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua penulis yang telah menyumbangkan artikel-artikel yang berkualiti untuk diterbitkan dalam buletin ini. Sumbangan anda semua telah memperkaya lagi kandungan buletin dan seterusnya dapat memberi manfaat kepada pembaca.

Dalam konteks keharmonian hidup, marilah kita bersama-sama memanfaatkan peluang ini untuk mengajak seluruh komuniti agar memahami dan melaksanakan prinsip keamanan global. Keamanan tidak hanya menjadi tanggungjawab individu atau kumpulan tertentu, tetapi menjadi tanggungjawab bersama untuk memelihara kesejahteraan dan ketenteraman dalam masyarakat. Dalam kehidupan yang berbilang kaum, kita mempunyai tanggungjawab moral untuk menentang segala bentuk penindasan dan kezaliman di mana pun ia berlaku. Hidup dalam keharmonian dan kedamaian adalah cita-cita yang perlu kita kejar bersama. Dengan kesedaran dan usaha kolektif, kita dapat membentuk masyarakat yang adil, aman, dan sejahtera untuk generasi akan datang. Semoga usaha ini dapat menjadi tonggak penting dalam memajukan masyarakat ke arah yang lebih baik. Saya berdoa agar usaha ini mendapat keredhan dan keberkatan dari Allah SWT, serta memberi manfaat kepada kita semua.

Di akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada semua yang telah terlibat didalam dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga e-Buletin Edisi ke-11 ini memberikan manfaat kepada semua pembaca. Sama-samalah kita memberikan sokongan penuh kepada penerbitan ini dan seterusnya penerbitan untuk edisi-edisi yang akan datang.

Terima kasih. Selamat membaca.

Ts. Dr. Rozita binti Kadar



Setiap dari kita ada ciri-ciri kepimpinan samada ianya terserlah atau tersembunyi. Bagi saya ciri kepimpinan yang perlu ada adalah bertanggungjawab, kesabaran, komunikasi berkesan, yakin dan berani membuat keputusan serta empati. Rata-rata ramai yang tidak mahu memegang sebarang jawatan pentadbiran kerana dibimbangi kita tidak mampu memberi kepuasan kepada semua orang. Pelbagai alasan yang diberi antaranya, komitmen dengan keluarga, faktor kesihatan atau umur serta alasan yang kerap diberikan adalah tunggu sehingga selesai menyiapkan Phd. Namun apa pun alasannya, dalam tempoh perkhidmatan sebelum bersara, setiap dari kita perlu ada pengalaman mentadbir sekurang-kurangnya dua ke tiga tahun. Pengalaman dalam pentadbiran ini penting kerana ia akan memberi pelbagai pengalaman yang tidak pernah kita pelajari semasa pengajian di universiti.

Saya menyertai ITM pada tahun 2 Mei 1997 sebelum bertukar nama kepada UITM pada tahun 2000. Pada tahun 2001, saya telah dilantik sebagai Koordinator ICT kampus selama 2 tahun dan disambung lantik beberapa kali selama 5 tahun lebih sebelum saya memohon untuk memberi peluang kepada orang baharu pula menerajui jawatan tersebut. Apabila dilantik sebagai ketua jabatan, perlu ada satu sasaran apakah perubahan yang akan dilaksanakan serta apakah legasi yang akan ditinggalkan sebelum berakhir tempoh lantikan tersebut. Jangan kita diperhatikan atau dilabelkan sebagai ketua jabatan yang bermasalah. Selama tempoh lantikan tersebut antara perubahan yang berjaya dilaksanakan adalah memastikan setiap kakitangan akademik serta kakitangan pentadbiran dibekalkan dengan kemudahan komputer. Kemudahan sistem perangkaan diperluaskan kepada setiap pensyarah dan di semua makmal komputer untuk kemudahan pelajar. Malah inilah kali pertama kampus menguruskan proses pelupusan peralatan komputer yang tidak pernah diuruskan hampir 12 tahun melibatkan kos pelupusan peralatan komputer sehingga RM 1.8 juta. Malah semasa mula menerajui jawatan ini, jabatan ini terdiri dari majoriti stafnya adalah berstatus jawatan harian. Saya letakkan sasaran semua staf diserapkan ke jawatan berstatus tetap dan Alhamdulillah sasaran ini tercapai. Jumlah makmal komputer yang pada asalnya dalam 7 sahaja, ditambah bilangan hampir 20 buah bagi memenuhi keperluan pelajar yang pada masa tersebut jumlah pelajar menjangkau hampir 11000 orang. Sudah menjadi kebiasaannya, terpaksa pulang lewat pada setiap hari dan datang bekerja pada hujung minggu, namun hasilnya dapat dirasai dengan syarat keikhlasan dalam melaksanakan tanggungjawab.

Jawatan pentadbiran yang kedua yang pernah saya terajui adalah sebagai Koordinator Program selama 4 tahun. Sekali lagi saya setkan sasaran apakah perubahan yang akan saya laksanakan sebelum saya serahkan jawatan ini kepada kepimpinan baharu. Antara yang telah dilaksanakan adalah menganjurkan konferensi, pertandingan pengaturcaraan komputer peringkat kebangsaan, mengwujudkan program baharu untuk pelajar Pengajian Luar Kampus (PLK). Aktiviti atau program yang dilaksanakan serta ada impak kepada kampus akan sentiasa diingati dan dijadikan penandaarasan oleh jabatan lain. Tidak saya nafikan, jika kita seorang ketua yang bertanggungjawab akan sentiasa diingati dan dibanding-bandingkan dengan kepimpinan baharu yang menggantikan kita. Jadi perlu ada matlamat, tinggalkan legasi positif yang akan digunakan atau diingati sepanjang hayat.

Tidak dinafikan, sebagai pemimpin kita tidak pernah melakukan kesilapan. Langkah-langkah dalam membuat keputusan, jangan terburu-buru dan sentiasa merujuk kepada mereka yang lebih arif atau memohon petunjuk dari Yang Maha Esa. Sentiasa mendengar dan menghormati pandangan orang lain sebelum membuat keputusan akhir. Ingatlah, kita tidak mampu memuaskan semua pihak, kerana ada sahaja pihak yang hendak kita memenuhi kehendak mereka walaupun pada dasarnya salah.

Oleh itu, kepada mereka yang masih belum memegang sebarang jawatan pentadbiran, ambillah cabaran ini. Jangan takut dan bimbang. Cabaran itu akan membentuk pengalaman kepimpinan yang lebih matang. Saya akhiri perkongsian ini dengan petikan hadis dari Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Tiga orang yang doa mereka tidak akan ditolak, iaitu; orang yang berpuasa hingga berbuka, seorang imam (pemimpin) yang adil dan doa orang yang dizalimi." (Riwayat Ahmad dan at-Tirmizi, katanya: Hadis hasan)

Ts. Jamal Othman



**USAH GUSAR MENJADI
PEMIMPIN**





pelaporan aktiviti



A.C.E. - ACHIEVING CALCULUS EXCELLENCE/ MAT 183

Norshuhada Binti Samsudin

Pada 19 Januari 2024 yang lalu, Jabatan Sains Komputer dan Matematik UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menganjurkan bengkel yang dikenali sebagai “A.C.E. - Achieving Calculus Excellence/MAT 183” khas untuk pelajar semester 1 Pusat Pengajian Kejuruteraan dan pelajar yang mengulang subjek Calculus 1 (MAT183). Pada awalnya, bengkel ini dijadualkan diadakan pada 10 Januari 2024. Walaubagaimanapun, ianya terpaksa ditunda berikutan krisis air yang melanda seluruh Pulau Pinang pada 10-12 Januari 2024. Bengkel ini mendapat peruntukan untuk sarapan pagi pelajar yang terlibat melalui Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA).

Program yang diadakan pada setiap semester ini bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran asas pelajar dalam algebra dan kalkulus terutamanya untuk pelajar yang lemah dalam subjek MAT183, membantu pelajar mengenalpasti kesalahan dalam subjek MAT183 agar kesalahan itu tidak berulang di masa akan datang serta memberi pendedahan kepada pelajar mengenai teknik menjawab soalan dengan betul.

Kira-kira 80 orang pelajar hadir bagi menjayakan program ini. Program yang bermula pada pukul 8.30 pagi dan berakhir pada jam 12.00 tengah hari ini melibatkan 7 orang pensyarah iaitu Dr. Azhar Ahmad selaku Pengarah Program, Puan Sharifah Sarimah Syed Abdullah, Puan Noor Azizah Mazeni, Cik Nur Azimah Idris, Encik Mohd Syafiq Abdul Rahman, Encik Ahmad Rashidi Azudin dan Encik Syarul Heiry Yahaya. Program dimulakan dengan ceramah yang bertajuk “Differentiation” yang disampaikan oleh Encik Syarul Heiry Yahaya dan diikuti oleh penceramah kedua Encik Ahmad Rashidi Azudin dengan tajuk ceramah “Integration”. Kedua-dua penceramah merupakan pensyarah dari Jabatan Sains Komputer dan Matematik serta mempunyai pengalaman yang luas dalam subjek ini. Banyak tips-tips berguna disampaikan kepada pelajar agar dapat digunakan semasa menjawab peperiksaan akhir yang bakal diadakan pada 3 Februari 2024 nanti.



Semua pelajar dilihat begitu fokus dan berpuas hati dengan ilmu yang disampaikan oleh para penceramah. Mereka juga bersemangat semasa menjawab soalan yang diajukan dan beberapa pemenang juga dipilih untuk menerima hadiah yang telah disediakan oleh pihak penganjur. Semoga dengan penganjuran program-program yang bermanfaat seperti ini akan dapat memberi ilmu berguna kepada para pelajar agar dapat dimanfaatkan pada masa-masa akan datang.





Pada tarikh 5 Januari 2024 yang lalu, satu bengkel telah dilaksanakan bagi membantu memantapkan lagi pengetahuan dan pemahaman matematik pelajar-pelajar PPT. Bengkel yang bertempat di Dewan Seminar UiTM cawangan Pulau Pinang anjuran Jabatan Sains Komputer dan Matematik(JSKM) ini telah dihadiri seramai 79 orang pelajar PPT iaitu pelajar-pelajar pra sains dan STEM C. Bengkel ini juga dikendalikan oleh seorang penceramah bersama-sama sembilan orang fasilitator iaitu dikalangan para pensyarah yang mengajar Matematik. Tujuan bengkel ini dijalankan adalah bagi meningkatkan lagi pemahaman dan salah tafsir pelajar dalam asas matematik kerana terdapat ramai pelajar yang masih lemah dalam asas kepada subjek ini.

MAISURAH BT SHAMSUDDIN

BENGGKEL PEMANTAPAN MATEMATIK PELAJAR PPT

Topik yang telah dibincangkan oleh penceramah adalah asas algebra, index dan log, juga berkaitan pembezaan dan pengamiran. Perbincangan adalah merangkumi kesalahan-kesalahan yang seringkali dilakukan oleh pelajar semasa membuat latihan matematik atau ketika menjawab soalan ujian dan peperiksaan. Selain itu, pelajar juga diberi contoh kesalahan dan cara penyelesaian yang betul dan tepat.

Pelajar juga telah diuji kefahaman mereka dengan beberapa soalan di akhir setiap topik yang dibincangkan. Penilaian keseluruhan bengkel juga dinilai dengan memberikan soalan-soalan berkaitan asas matematik sebelum dan selepas bengkel menggunakan aplikasi Quizizz. Di samping itu juga, pelajar yang dapat menjawab soalan-soalan yang telah diajukan dengan betul dan tepat telah diberi sedikit saguhati sebagai menghargai usaha yang diberikan dan bagi menarik minat pelajar untuk menjawab lebih banyak soalan. Secara keseluruhan, bengkel ini telah berjalan dengan lancar dan jayanya. Antara impak yang diperolehi daripada bengkel ini adalah dapat memantapkan lagi pemahaman asas matematik pelajar disamping mengurangkan kesilapan berulang oleh pelajar, menjadikan pelajar lebih peka pada situasi ketika menjawab soalan dan memahami kehendak soalan serta yakin dengan jawapan yang diberikan, meningkatkan kebolehan diri dengan amalan suka bertanya kepada pensyarah sekiranya tidak memahami sesuatu topik yang dibincangkan dan akhir sekali dapat meningkatkan tahap motivasi diri terhadap matematik untuk sentiasa rajin melakukan latihan matematik dengan lebih kerap.





perkongasian

Sempadan Malaysia-Thailand merupakan sempadan antarabangsa yang memisahkan Malaysia dan Thailand dan ditetapkan melalui Perjanjian Inggeris-Siam 1909. Sempadan ini membentang sepanjang kira-kira 646 km, dengan 551 km sebagai sempadan darat dan 95 km mengikut thalweg aliran utama Sungai Golok, Kelantan.

Semasa tempoh Darurat Tanah Melayu dan konflik dengan pemberontak Komunis sehingga tahun 1970-an, pemberontak komunis sering melintasi sempadan ke Thailand untuk mengelakkan penangkapan oleh tentera Malaya dan tentera Komanwel. Sebagai langkah keselamatan,

Malaysia membina tembok di sepanjang beberapa kawasan sensitif sempadan pada tahun 1996 untuk merintang penyeludupan.

Terdapat empat negeri di Malaysia yang berkongsi sempadan dengan Thailand. Dari barat ke timur, negeri-negeri tersebut ialah Perlis, Kedah, Perak, dan Kelantan. Di sebelah Thailand, terdapat empat wilayah yang bersempadan dengan Malaysia. Dari barat ke timur, wilayah-wilayah tersebut adalah Satun, Songkhla, Yala, dan Narathiwat. Sempadan ini memainkan peranan penting dalam hubungan bilateral, perdagangan, dan pertukaran budaya antara kedua-dua negara.

RENTASAN	
Malaysia	Thailand
Wang Kelian, Perlis	Wang Prachan, Wilayah Satun
Padang Besar, Perlis	Padang Besar, Wilayah Songkhla
Bukit Kayu Hitam, Kedah	Sadao, Wilayah Songkhla
Durian Burung, Kedah	Ban Prakob, Wilayah Pattani
Pengkalan Hulu, Perak	Betong, Wilayah Yala
Bukit Bunga, Kelantan	Ban Buketa, Wilayah Narathiwat
Rantau Panjang, Kelantan	Sungai Golok, Wilayah Narathiwat
Pengkalan Kubur, Kelantan	Tak Bai, Wilayah Narathiwat

SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND

Oleh Nurhafizah Ahmad & Fadzliwani Astifar Alias



RENTASAN MALAYSIA-THAILAND



Bukit Kayu Hitam (Malaysia) - Sadao (Thailand)

Laluan ini merupakan laluan yang paling popular bagi pelancong Malaysia yang ingin ke Hat Yai. Kini, bangunan imigresen dan kastam telah diperbaharui. Laluan ini sangat sibuk terutama pada musim cuti termasuk cuti hujung minggu, cuti sekolah dan juga cuti perayaan. Waktu operasi sempadan Bukit Kayu Hitam paling lama menjadi tumpuan pelancong, iaitu sehingga jam 12 tengah malam. Waktu operasi imigresen sempadan: 6.00 pagi - 12.00 tengah malam.



Padang Besar (Malaysia) - Padang Besar (Thailand)

Laluan ini merupakan laluan kedua yang popular untuk ke Hat Yai. Biasanya, pelancong menggunakan perkhidmatan keretapi Thai yang menghubungkan Padang Besar - Hat Yai. Laluan ini sangat sibuk pada musim cuti sekolah dan juga cuti perayaan. Seawal 6 pagi, pelancong akan berbaris untuk menyelesaikan urusan masuk ke Thailand. Waktu operasi imigresen sempadan: 6.00 pagi - 10.00 malam.



Wang Kelian (Malaysia) - Wang Prachan (Thailand)

Laluan ini dahulunya popular kerana terdapat pasar harian di Wang Kelian. Kini, ia agak sepi kerana pasar tersebut tidak lagi beroperasi. Laluan ini masih mudah untuk ke wilayah Satun. Ramai pelancong Malaysia memilih sempadan Wang Kelian untuk ke Pak Bara dan Ko Lipe, Thailand. Waktu operasi imigresen sempadan: 8.00 pagi - 7.00 malam.



Pengkalan Hulu (Malaysia) - Betong (Thailand)

Peminat dunia pemotoran atau peminat motosikal suka melalui lintasan sempadan ini untuk ke Betong dan menikmati pemandangan awan karpet di puncak Ayeraweng. Berdekatan dengan Baling di Kedah. Waktu operasi imigresen sempadan: 6.00 pagi – 11.00 malam.




Durian Burung (Malaysia) - Ban Prakob (Thailand)

Laluan ini merupakan lintasan sempadan yang baru dan sunyi di Padang Terap, Kedah. Lokasinya yang jauh menyebabkan kurang ramai orang menggunakan lintasan ini. Waktu operasi imigresen sempadan: 8.00 pagi – 6.00 petang.



Bukit Bunga (Malaysia) - Buketa (Thailand)

Laluan ini baru dibuka, merupakan salah satu lintasan sempadan ke Thailand yang kaya dengan gua dan keindahan alam semulajadi. Waktu operasi imigresen sempadan: 7.00 pagi – 7.00 malam.



Rantau Panjang (Malaysia) - Sungai Golok (Thailand)

Sebuah destinasi syurga membeli-belah dan makanan. Ada pelancong yang datang hanya untuk bersiar-siar dan menikmati makanan di sini. Laluan ini juga menjadi pilihan peniaga – peniaga dari Kelantan untuk membeli stok barangan niaga mereka. Waktu operasi imigresen sempadan: 6.00 pagi – 9.00 malam.



Pengkalan Kubor (Malaysia) - Tak Bai (Thailand)

Dipisahkan oleh sungai, laluan ini perlu menaiki bot dan feri untuk melintasi sempadan. Laluan ini menjadi laluan kegemaran warga Thailand yang menetap di Malaysia untuk pulang ke kampung halaman. Waktu operasi imigresen sempadan: 6.00 pagi – 7.00 malam.

#Kredit gambar: google.com

TIPS MEMBANTU anak menghafaz al-Quran dari kecil




Oleh Fadzliwani Astifar Alias & Nurhafizah Ahmad

TIPS 1

Menyimpan memori dalam otak anak-anak sejak hari pertama dilahirkan

Otak anak-anak sudah bersedia untuk menerima apa saja pembelajaran sejak dilahirkan. Otak mereka pada waktu ini ibarat span yang amat mudah menyerap air. Pada usia dua tahun, kapasiti otak mereka menyamai 80 peratus otak dewasa. Sebab itulah pada usia tersebut adalah paling sesuai untuk dimulakan latihan menghafaz.



TIPS 2

Membaca dan memperdengarkan Al-Quran sewaktu hamil

Membaca dan mendengarkan ayat-ayat Al-Quran ketika anak masih dalam kandungan lagi boleh meningkatkan kemampuan perkembangan bayi disamping membawa kesan positif kepada kemampuannya selepas lahir nanti. Bayi dalam kandungan dapat mendengar suara orang yang membaca Al-quran terutama ibunya, diharapkan dengan lantunan ayat-ayat suci Al-Quran itu mendapat keberkatan dan kebaikan yang akan mempengaruhi anak itu dalam menghafaz Al-Quran.



TIPS 3

Mengajar anak Al-Quran terlebih dahulu berbanding membaca dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Jangan risau jika anak kita berkemungkinan tidak dapat membaca

Hal ini penting bagi ibubapa yang benar-benar inginkan anak yang mampu menghafaz Al-Quran dengan baik. Ini kerana mengajar banyak perkara sekaligus berkemungkinan menjadikan anak-anak keliru dengan apa yang dipelajari secara serentak. Fokus anak-anak juga pastinya akan teralih kepada sesuatu selain hafazan mereka.

TIPS 4

Memainkan alunan bacaan surah Al-Quran yang perlu dihafal

Ibubapa boleh memainkan alunan bacaan Al-Quran di rumah atau di dalam kereta ketika hendak ke mana-mana. Memainkan surah-surah Al-Quran pada setiap masa mampu menimbulkan minat anak-anak terhadap surah yang diperdengarkan. Ibubapa boleh mula memperkenalkan dengan surah-surah lazim/pendek terlebih dahulu.



TIPS 5

Memulakan dengan menghafal sebelum mengenal huruf Al-Quran

Mengikut kajian sains, anak-anak yang belajar menghafal akan meningkatkan kuasa otak kiri mereka. Otak kiri bertanggungjawab untuk menganalisa secara analitik seperti sains, matematik dan bahasa manakala otak kanan pula bertindak untuk berfikir secara holistik seperti perkara berkaitan seni dan muzik. Ramai juga huffaz (penghafal quran) daripada kalangan orang buta. Ini bermakna seseorang yang tidak mengenal huruf juga boleh menghafal al-Quran dengan baik.

TIPS 6

Ibubapa perlu menjadi kreatif untuk menarik minat anak-anak terhadap Al-Quran

Ibubapa boleh menggunakan kad imbasan untuk membantu menarik minat anak-anak. Sebagai contoh, anak berusia setahun ke dua tahun akan membuatkan ibu bapa terpaksa menarik perhatian mereka untuk menyebut setiap kad imbasan kerana pada waktu ini, mereka dalam peringkat suka meneroka dan mula melakukan pelbagai kerja sendiri dan kurang fokus terhadap apa yang ibubapa inginkan. Ini lebih ketara untuk anak-anak lelaki berbanding perempuan.



TIPS 7

Memperdengarkan surah Al-Quran ketika anak sedang tidur

Menurut satu kajian luar negara, memperdengarkan lagu dengan irama yang perlahan ketika bayi tidur mampu meningkatkan kemampuan memori bayi tersebut. Oleh itu, pilihlah audio bacaan Al-Quran yang dibacakan secara jelas dan perlahan-lahan.

TIPS 8

Menggalakkan anak-anak menghafal surah sebanyak yang mungkin mengikut kemampuan mereka

Semakin panjang dan semakin banyak surah yang dihafal, semakin tinggi kekuatan memori mereka. Jika mereka telah selesai menghafal sesuatu surah, minta mereka teruskan dengan surah yang lain pula.





TIPS 9

Tidak membanding-banding kemampuan anak lelaki dan anak perempuan

Anak lelaki dan perempuan mempunyai cara belajar berbeza. Berbanding anak perempuan, anak lelaki lebih nakal dan kurang daya tumpuan. Masalah pelat juga lebih ramai dialami kanak-kanak lelaki berbanding perempuan. Sebab itulah lebih perhatian diperlukan terhadap anak lelaki.

TIPS 10

Sentiasa meminta anak-anak mengulang semula bacaan yang telah mereka hafal

Kaedah mengulang ini bukan sahaja sesuai untuk kanak-kanak, tetapi juga orang dewasa. Mengulangi dengan sekerap yang mungkin apa yang telah dihafaz mampu mengubah memori jangka pendek menjadi memori jangka panjang juga. Ini juga boleh dilakukan dengan memvisualkan setiap ayat Al-Quran yang ingin dihafaz.



TIPS 11

Memberikan ganjaran apabila anak-anak berjaya menghafaz


Berikanlah ganjaran kepada anak-anak yang berjaya menghafaz walaupun sekadar satu surah. Menghafaz bukanlah suatu proses yang mudah. Ganjaran bukanlah berbentuk material semata-mata. Apa kata hadiahkan anak anda dengan satu ciuman dan pujian dan doakanlah kejayaan mereka bersama-sama mereka agar mereka juga tahu segala usaha mereka sangat dihargai oleh ibubapa.



TIPS 12

Memberikan suplemen

Memberikan suplemen yang sesuai kepada anak-anak boleh membantu menguatkan memori anak-anak dalam menghafaz Al-Quran.





Fasa di Hujung Nyawa

Penjagaan paliatif seringkali dikaitkan dengan individu-individu yang menghadapi penyakit kronik seperti penyakit kanser, buah pinggang, strok, penyakit jantung dan sebagainya. Namun demikian, pesakit kanser yang tiada lagi harapan untuk sembuh atau didiagnos pada peringkat akhir ataupun terminal memerlukan penjagaan dan rawatan paliatif. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), penjagaan paliatif merupakan perdekatan perubatan bagi meningkatkan kualiti hidup pesakit dan keluarga mereka yang berdepan penyakit mengancam nyawa dengan mengatasi dan mengurangkan penderitaan, sama ada melalui rawatan fizikal, psikososial dan spiritual.

Hampir semua hospital besar kerajaan mempunyai pusat rawatan paliatif atau disebut juga sebagai Hospis. Setiap pusat rawatan paliatif mempunyai pasukan khusus yang memberikan khidmat paliatif seperti para pakar, doktor, jururawat dan sukarelawan paliatif.

Secara umumnya, istilah nazak diguna pakai bagi menunjukkan keadaan perjalanan terakhir seseorang sebelum bertemu kematian. Di dalam bidang perubatan, istilah nazak ini dikenali sebagai fasa di hujung nyawa (End of Life Phase). Secara alamiah, fasa di hujung nyawa ini dianggap sebagai suatu proses yang tidak boleh diundur ke belakang (irreversible), sebaliknya akan menuju kepada kematian. Pakar perubatan yang mengkaji tanda-tanda dan gejala-gejala seseorang yang sudah memasuki fasa di hujung nyawa

(end of life phase) serta terlibat di dalam pengendalian fasa di hujung nyawa ini disebut sebagai pakar perubatan paliatif.

Pengalaman berdepan dengan adik ipar yang berada pada tahap akhir kanser dan sudah di hujung hayat, pastinya menjadi situasi paling hiba dan tidak mudah untuk diterima, baik oleh pesakit mahupun ahli keluarga. Kanser sudah merebak ke organ lain dalam badan dan rawatan yang diberikan hanya untuk memastikan pesakit berasa sedikit selesa dan meredakan keadaannya, namun tidak dapat memulihkan pesakit. Sekiranya terdapat petanda-petanda bahawa pesakit telah berada di hujung nyawa dan keadaan tersebut telah dikenal pasti oleh pihak doktor, kebiasaannya doktor akan berbincang dengan ahli keluarga.

Perbincangan antara doktor dan keluarga biasanya berfokus pada bagaimana untuk merawat pesakit supaya mereka lebih selesa ketika mengharungi perjalanan terakhir. Sebarang prosedur atau rawatan mungkin akan lebih menyeksakan berbanding memberi apa-apa manfaat kepada pesakit. Kadangkala, dengan tidak melakukan sesuatu atau apa-apa adalah perkara yang lebih baik untuk dilakukan dan pengamal perubatan merujuk keadaan ini dengan menggunakan istilah DNR (Do Not Resuscitate).

Menurut pakar perubatan yang mengkaji tanda-tanda dan gejala-gejala seseorang yang sudah memasuki fasa di hujung nyawa (end of life phase), pertamanya ialah, pesakit tersebut akan mengalami keletihan yang melampau sehingga tidak mampu untuk bangun dan menghabiskan sepanjang masa di atas katil. Selain itu, pesakit juga akan mengalami kekurangan air kencing dan hilang kawalan untuk membuang air kecil dan air besar. Kedua, pesakit tersebut juga akan berada dalam keadaan separa sedar, keliru, mungkin meracau dan akhirnya tidak sedar. Ketiga ialah, pesakit juga akan hilang selera makan, tidak dapat menelan ubat, tetapi mungkin dapat menelan sedikit titisan air dan seringkali tersedak. Keempat, terdapat juga pesakit yang mengalami kesukaran bernafas, pernafasan berbunyi seperti getaran (rattling sound) dan berdeguk-deguk (gurgling sound) atau keadaan ini dikenali sebagai death rattle. Selanjutnya, berlaku juga perubahan di dalam pernafasan pesakit yang kadang kala terhenti dan mengalami pernafasan mandibular (mandibular breathing). Pernafasan mandibular adalah apabila pesakit membuka dagu yang luas secara mendadak dan ditutup, berulang kali seperti tercungap-cungap (gaspings). Kelima ialah, tekanan darah dan oksigen dalam darah pesakit mulai menurun, jari kaki dan tangan menjadi biru serta nadi pada pergelangan tangan tidak dapat dikesan atau tidak berdenyut (pulseless).



Tanda-tanda dan gejala-gejala yang dinyatakan di atas umumnya dapat diperhatikan sendiri oleh ahli keluarga yang berdepan dengan pesakit yang berada di fasa hujung nyawa terutamanya pesakit yang menerima rawatan di hospital. Fakta-fakta yang dinyatakan adalah berdasarkan kajian serta melalui pengamatan pengalaman manusia. Namun begitu, fakta-fakta tersebut tidak semestinya tepat. Terdapat juga tanda-tanda atau pun gejala-gejala yang disebabkan oleh faktor-faktor lain yang masih boleh dipulihkan. Meskipun hanya Allah yang mengetahui penderitaan yang dialami oleh pesakit, adalah tidak salah untuk berikhtiar bagi mengurangkan penderitaan pesakit dan memastikan insan tersayang kembali menghadap Illahi dengan sebaik-baik pengakhiran.

Dalam hal ini, tidak ramai yang mengetahui kepentingan penjagaan pesakit kanser yang menghadapi fasa di hujung nyawa dan tidak ramai juga yang mempunyai kesedaran bahawa terdapat kaedah-kaedah rawatan yang boleh mengurangkan penderitaan penghidap kanser fasa akhir. Terdapat banyak keadaan yang mana pesakit kanser kelihatan terbiar dan terlantar di hospital tanpa sebarang usaha untuk mengurangkan penderitaan mereka di hujung hayat. Akibatnya, pesakit-pesakit ini meninggal dalam keadaan yang sangat menyayat hati dan menyedihkan. Oleh yang demikian, peranan keluarga terdekat yang menjaga pesakit kanser khususnya yang berada pada fasa penghujung nyawa ini adalah sangat penting.

Terdapat beberapa kes tertentu yang mana pihak hospital membenarkan pesakit untuk di bawa pulang kerana sudah tidak ada rawatan khusus yang boleh diberikan atau pihak keluarga atau pesakit sendiri memohon untuk pulang ke rumah agar dapat menghabiskan sisa-sisa waktu di rumah. Maka, penjagaan yang rapi dan teliti terhadap pesakit-pesakit seumpama ini di rumah perlu diberikan perhatian khusus oleh para penjaga.

Dato Dr. Rushdan Md Noor, mantan Ketua Perkhidmatan Obstetriks & Ginekologi di Jabatan O&G berkongsi beberapa panduan penjagaan yang boleh dirujuk oleh ahli keluarga atau penjaga yang merawat pesakit-pesakit yang berada dalam fasa hujung nyawa khususnya di rumah seperti berikut:

- 01 *Tempatkan pesakit di bilik atau ruang yang selesa, pencahayaan yang sederhana dan yang tidak terdedah pada bunyi bising. Mungkin pesakit lebih selesa untuk ditempatkan di dalam bilik sendiri.*
- 02 *Gunakan alas lembut seperti foam dan bantal lembut supaya katil atau kerusi lebih selesa. Tumpuan diberikan kepada bahagian badan yang tertekan pada tempat baringan seperti tumit, siku, pinggul dan belakang badan. Bahagian-bahagian ini mudah mengalami pengelupasan kulit dan ulser.*
- 03 *Bantu pesakit sewaktu mengubah kedudukan badan mereka. Biasanya mereka tidak boleh berbaring pada satu kedudukan untuk jangka masa yang panjang melainkan saat kematian mereka sudah terlalu dekat. Jika boleh berkomunikasi dengan pesakit, dapatkan maklum balas tentang kedudukan yang paling selesa. Dapatkan juga nasihat perawat jika tidak pasti mengenai kedudukan yang sesuai berikutan ada kedudukan tertentu tidak sesuai untuk pesakit disebabkan oleh masalah kesihatan.*
- 04 *Kerap menukar cadar dan sarung bantal supaya tempat tidur kekal bersih dan tidak berbau.*
- 05 *Kedudukan yang betul juga membantu pesakit untuk bernafas dengan selesa. Letakkan kedudukan kepala dalam keadaan lebih tinggi ataupun secara mengiring mengikut kehendak pesakit. Pesakit yang sudah mengalami "death rattle" yakni pernafasan yang bergelegak biasanya sudah tidak sedarkan diri. Jadi, ahli keluarga tidak perlu bimbang dengan bunyi tersebut. Mungkin hanya perlu letakkan kepala dalam kedudukan mengiring untuk mengurangkan bunyi.*
- 06 *Sekiranya persekitaran sejuk ataupun pesakit mengadu kesejukan, bantu mereka untuk memanaskan badan dengan menggunakan selimut, menggosok tangan serta kaki ataupun menggunakan air suam. Elakkan menggunakan alat pemanas yang menggunakan tenaga elektrik seperti selimut lektrik kerana mungkin boleh menyebabkan iritasi atau melecur pada kulit pesakit. Begitu juga jika pesakit kepanasan, bantu mereka sejukkan badan. Pesakit seumpama ini biasanya mengalami kawalan suhu badan yang tidak menentu, meski lebih kerap mengalami kesejukan.*
- 07 *Apabila berkomunikasi dengan pesakit, gunakan bahasa yang lembut, sopan dan jelas. Ingatkan pesakit tentang tarikh, masa, tempat dan orang yang hadir supaya dapat mengurangkan gejala kekeliruan yang mereka alami. Maklumat ini tidak memanfaatkan semua pesakit terutama mereka yang sudah tidak sedarkan diri. Elakkan berbual panjang dan dan membuat bising sesama sendiri yang boleh mengganggu pesakit. Jangan berkasar atau mengeluarkan perkataan kesat kepada pesakit jika sikapnya berubah seperti tidak mendengar arahan, meracau, resah dan bersikap agresif. Hal ini demikian kerana, pesakit mungkin sedang keliru atau mengalami halusinasi akibat gangguan bekalan darah serta oksigen di bahagian otak.*
- 08 *Membaca ayat-ayat Al-Quran di sebelah pesakit adalah amalan yang digalakkan, tetapi jika pesakit sedar, minta kebenaran daripadanya terlebih dahulu. Kadangkala pada waktu-waktu tertentu, pesakit lebih selesa dalam keadaan sunyi. Penjaga boleh melakukan bacaan di tempat lain. Sokongan spiritual seperti ini juga sangat membantu.*

- 09** *Jika pesakit sudah tidak dapat berkomunikasi, tetapi ada kemungkinan masih boleh mendengar, penjaga boleh memberi kata-kata semangat yang menyenangkan seperti "Jangan risau, anak-anak ayah ada di sini", "Insyallah, semua OK ayah", termasuk menyebut kehadiran individu yang sangat diharapkannya untuk hadir, yang mana ahli keluarga terdekat lebih mengetahui. Pada waktu yang sama, jangan pula berbual mengenai sesuatu yang tidak menyenangkan pesakit.*
- 10** *Jika pesakit tidak boleh menelan, lembapkan mulut dan bibirnya dengan kerap, menggunakan sedikit air yang dititis dengan sudu atau straw. Penjaga juga boleh menggunakan pelembab bibir yang boleh mencegah kekeringan bibir dan mulut. Pelembab bibir boleh didapati di farmasi atau boleh bertanya kepada perawat. Jangan memaksa pesakit untuk makan jika mereka tidak mahu kerana adakalanya makan atau minum itu lebih menyeksakan mereka.*
- 11** *Selalu mendampingi pesakit. Menghilangkan rasa sunyi pesakit sebenarnya menunjukkan empati yang tidak ternilai harganya ketika pesakit menghampiri saat kematian. Duduk di sebelah dan menyentuhnya dengan lembut akan membuatkan pesakit merasa selesa dan mengurangkan tekanan.*
- 12** *Jika pesakit mengalami kesakitan yang tidak dapat dikawal oleh ubat yang dibekalkan, dapatkan nasihat doktor. Jangan merawat sendiri kesakitan tersebut dengan kaedah-kaedah yang tidak terbukti berkesan lebih-lebih lagi jika pesakit tidak boleh memberi maklum balas. Hal ini kerana, kaedah tersebut mungkin akan menambahkan kesakitan. Pasukan perawat paliatif atau hospis ialah golongan yang terlatih untuk merawat penyakit kronik. Mereka boleh ditemui di hospital ataupun penjaga juga boleh mencari NGO yang bergerak di kawasan tempat tinggal.*
- 13** *Dapatkan bantuan pengamal perubatan jika berlaku keadaan-keadaan seperti:*
- a. Kesakitan yang tidak dapat dikurangkan dan pesakit tertekan kesan daripadanya.*
 - b. Pesakit tidak dapat mengambil ubat yang diberikan sedangkan ubat tersebut penting untuk mengurangkan penderitaannya. Pengamal perubatan mempunyai kaedah lain bagaimana ubat tersebut diberikan.*
 - c. Pesakit mengalami sawan.*
 - d. Pesakit mengalami gejala-gejala sesak nafas yang tidak dapat dikawal dan sangat gelisah/resah.*
- 14** *Jika anda orang yang menziarahi pesakit, jangan mengambil masa yang panjang dan fahamilah perasaan keluarga serta pesakit. Minta keizinan pihak keluarga terlebih dahulu dan tolong mengerti jika anda tidak dibenarkan melihat pesakit. Bertemu dengan ahli keluarga pesakit juga sudah memadai dan dianggap sebagai satu bentuk sumbangan dan keprihatinan.*

Rujukan

<https://www.minda2tinta.com/2020/05/panduan-kepada-ahli-keluarga.html>

<https://www.tips-kesihatan.com/rawatan-paliatif-untuk-pesakit-kanser-yang-tiada-harapan-sembuh/>



RAHSIA PANTANG LARANG NENEK MOYANG

Oleh Norazah Umar

Pantang larang merupakan salah satu perkara yang sangat sinonim dengan budaya orang Melayu zaman dahulu. Walaupun pantang larang ini bunyinya seperti ingin menakutkan namun setiap pantang mempunyai maksud yang tersirat. Di sebaliknya, terselindung nilai-nilai yang boleh diamalkan masyarakat khususnya generasi muda dalam kehidupan seharian mereka. Walaupun begitu semakin hari pantang larang ini semakin pudar akibat berlakunya arus pemodenan. Kebanyakan pantang pun dianggap lapuk dan tidak lagi dipercayai oleh generasi kini berbanding orang dulu-dulu. Mari kita lihat apakah rasionalnya pantang larang yang sering diungkap oleh nenek moyang kita. Di antara pantang larang yang popular dan sering didengar adalah seperti yang tertulis di bawah:

01 Anak dara jangan menyanyi di dapur nanti kahwin dengan orang tua

Rasionalnya: Perbuatan ini selain daripada dilihat tidak sopan ianya boleh menyebabkan kelalaian seperti masakan hangus sebab leka menyanyi.

02 Makan biar setempat, kalau berpindah-pindah tempat nanti kahwin ramai

Rasionalnya: Ia dilihat tidak sopan kalau makan pindah-randah. Ada orang yang makannya bersepah, jadi makan berpindah tempat boleh menyebabkan berlakunya sepah di beberapa tempat.

03 Jangan potong kuku waktu malam, nanti rezeki sempit

Rasionalnya: Rumah zaman dahulu tiada elektrik dan bergantung pada lilin dan pelita sahaja. Memotong kuku pada waktu malam boleh memudaratkan di mana keadaan yang agak gelap boleh menyebabkan terhiris atau terpotongnya jari.

04 Jangan mengintai orang mandi, nanti naik ketumbit

Rasionalnya: Mengintai itu merupakan perbuatan yang salah tetapi ianya agak sukar untuk dijelaskan kepada kanak-kanak. Oleh itu orang tua dulu-dulu menggunakan ugutan penyakit mata ketumbit untuk menakutkan kanak-kanak supaya tidak mengintai kerana ugutan lebih berkesan berbanding nasihat.

05 Jangan duduk atas bantal, nanti naik bisul

Rasionalnya: Kualiti bantal dulu-dulu tak sama dengan bantal zaman sekarang. Diperbuat daripada kekabu dengan sarung yang dijahit sendiri. Kalau di duduk-duduk atasnya, jahitan akan rosak dan kekabu akan terkeluar.

06 Jangan meniarap naik kaki atas, nanti mak ayah mati awal

Rasionalnya: Sebenarnya dulu-dulu ramai gadis memakai kain sarung. Jadi pantang larang ini dicipta bertujuan nak mengelakkan kain gadis-gadis semua tu daripada terselak nampak tak senonoh.

07

Jangan tunjuk pelangi dengan jari telunjuk, nanti kudung

Rasionalnya: Apabila kita menunjukkan ke arah sesuatu benda adalah lebih sopan jika kita menggunakan ibu jari. Pantang larang ini sebenarnya hendak melarang kita menggunakan jari telunjuk apabila kita menunjuk pada sesuatu, kerana kadangkala menggunakan jari telunjuk boleh nampak seperti kita sedang marah.

08

Ibu hamil dilarang menyusup di bawah ampaian kerana ditakuti anak akan terencat akalnya

Rasionalnya: Penyidai kain biasanya rendah, maka dikhuatiri ibu hamil tersebut akan tersadung dan boleh membahayakan kandungan jika dia lalu di bawah ampaian.

09

Dilarang menjahit di badan kerana dikhuatiri sukar membayar hutang

Rasionalnya: Perbuatan ini agak merbahaya dan ditakuti mendatangkan kecederaan kepada badan.

10

Jangan lalu bawah ampaian nanti pening kepala

Rasionalnya: Zaman dahulu mesin basuh masih belum wujud apatah lagi kedai dobi layan diri. Mereka terutamanya wanita perlu membasuh pakaian menggunakan kudrat tangan dan menjemurnya di ampaian. Jika ada yang lalu atau bermain di bawah ampaian ada kemungkinan pakaian tersebut akan jatuh ke tanah. Kesannya, pakaian tersebut jadi kotor dan perlu dibasuh untuk kali kedua. Sangat memenatkan jika diulang dengan basuhan tangan.

11

Selepas makan, tuang air sikit dalam pinggan kalau tidak rezeki jadi kering

Rasionalnya : Orang melayu terkenal dengan masakan yang berminyak seperti sambal tumis, kari dan pelbagai lagi masakan yang ditumis dan digoreng. Apabila digaulkan dengan nasi dan lauk lain ketika makan akan menyebabkan pinggan tersebut susah untuk dibasuh. Sisa-sisa lauk akan melekat apabila sudah kering. Oleh itu, menuangkan sedikit air supaya dapat mengelak perkara ini dan memudahkan untuk dibasuh.

12

Jangan mandi malam, nanti paru-paru basah

Rasionalnya : Bilik mandi orang zaman dulu bukan seperti zaman sekarang yang semuanya berada di dalam rumah. Bilik air mereka berada di bahagian luar rumah. Di waktu malam suasana di luar rumah sangat gelap, tiada lampu jalan, yang ada hanya cahaya bulan. Kalau berjalan malam-malam nak ke tandas mungkin boleh terpijak duri atau digigit haiwan berbisa.

Kisah Duka Bayi di Palestin

FADZILAWANI ASTIFAR ALIAS
NURHAFIZAH AHMAD



Doktor meletakkan mayat Fatimah di atas jenazah ibunya, Arij yang terbunuh bersama dua anak perempuannya di hospital Najjar. Bayi kecil dinamakan Fatimah yang membawa maksud 'bersinar' dalam bahasa Arab itu gagal diselamatkan selepas ibunya yang sarat mengandung dan dua kakaknya terbunuh dalam serangan udara tentera Zionis di bandar Rafah.

Seorang bayi yang baru dilahirkan kurang dua hari tidak sempat membesar di dunia apabila terbunuh akibat kekejaman tentera Israel di Semenanjung Gaza, Palestin. Bayi yang cedera itu berkemungkinan dapat diselamatkan jika Israel membenarkan mereka ke sempadan Rafah untuk mendapatkan rawatan selepas kesemua hospital di wilayah itu tidak lagi dapat beroperasi.



Seorang bayi pramatang diletakkan di dalam inkubator di hospital al-Shifa di Gaza. Kakitangan perubatan di Hospital Naser berjaya menyelamatkan nyawa seorang bayi dengan melakukan pembedahan kecemasan selepas ibunya terbunuh akibat serangan udara tentera Israel di bandar Khan Yunis.



Barisan penyelamat bersama seorang bayi yang diselamatkan dari runtuhannya di utara Gaza. Keajaiban berlaku apabila seorang bayi berusia 37 hari ditemui selamat selepas terperangkap selama beberapa jam di bawah runtuhannya rumah yang dibom oleh serangan Israel. Momen itu menjadi lebih mengharukan ketika mereka bergilir-gilir mencium bayi yang masih dalam keadaan baik, dibedung dengan matanya dilihat terkebil-kebil.

Bayi baru lahir dikeluarkan dari inkubator di Hospital al-Shifa selepas bekalan elektrik terputus. Lima bayi pramatang meninggal dunia akibat kekurangan bekalan bahan api.



Belum pun sempat kenyang, bayi yang sedang disusukan ibunya di Gaza, Palestin terkorban apabila tentera rejim Israel membedil rumah mereka. Bayi lelaki yang dilahirkan kurang dua bulan itu antara korban terawal kekejaman Israel yang menyasarkan rumah mereka. Ibu yang masih berpantang itu dilihat mendakap erat dan mencium jasad anak kecil yang lengkap berkafan itu berulang kali sambil merintih pilu ketika memberikan penghormatan terakhir. Datuk bayi itu menyatakan ketika kejadian cucu lelakinya sedang menyusu badan, namun dilihat tidak lagi bermaya sejeurus selepas rumah mereka dibedil.



Seorang ibu warga Palestin terpaksa memberikan bayinya menghisap kurma gara-gara kesukaran mendapatkan bekalan susu selepas serangan berterusan oleh Zionis Israel.

Seorang wanita warga emas Palestin terpaksa memberi minum air kepada cucu lelakinya yang masih bayi bagi menahan kelaparan ekoran ketiadaan bekalan susu susulan situasi konflik pada masa ini. Dia juga tidak mempunyai lampin pakai buang untuk cucunya yang juga anak yatim berikutan bapa bayi itu telah meninggal dunia.




(Kredit foto: kosmo.com.my/google.com/mykmu.net)

PENGIRAAN KENDIRI AZIMUTH KIBLAT MENGGUNAKAN TRIGONOMETRI SFERA

Nor Hanim binti Abd Rahman

Pengenalan

Walaupun di zaman ini terdapat pelbagai kaedah penentuan arah kiblat, namun yang lazimnya adalah bersandarkan peristiwa Istiwa A'dzam yang berlaku dua kali dalam setahun di mana matahari berada tepat di atas Ka'abah dan bayang-bayang objek tegak akan menunjukkan tepat ke arah kiblat sebenar. Kaedah ini boleh dilakukan di mana-mana dan sesiapa sahaja. Semakan waktu Istiwa A'dzam boleh dirujuk di laman sesawang <http://mst.sirim.my>. Kaedah kedua, kaedah bayang-bayang kiblat (Rashadul Qiblat). Ketiga, penggunaan arah utara (true north) sebagai rujukan seperti di Rajah 1. Antara lain juga, penggunaan kaedah tradisi merujuk matahari terbenam dan lokasi buruj bintang orion juga boleh diguna pakai sebagai panduan pencarian arah kiblat. Kupasan ilmu secara ringkas ini adalah hasil bacaan dari beberapa artikel dan penglibatan dalam bengkel berkaitan kaedah menentukan arah kiblat secara kiraan sendiri dengan menggunakan konsep trigonometri sfera.



Rajah 1: Kupasan Ringkas Berkenaan Bumi Datar Dari Perspektif Ilmu Falak (25 March 2015). <https://muftiwp.gov.my/ms/falak/bayan-al-falak>

Metodologi

Menurut Profesor Madya Baharrudin Zainal, kiblat bermaksud arah ke Kaabah mengikut jarak terdekat bulatan besar glob bumi. Di Malaysia, arah kiblat ditentukan menerusi panduan azimuth pada sudut antara 291° hingga 293°, berdasarkan kedudukan lokasi sesebuah bandar (Ahmad Irfan, 2019). Pengiraan ringkas dan mudah bagi mendapatkan arah kiblat berdasarkan arah utara atau 'true north' dan mengikut tatacara berikut:

- i) Dapatkan kedudukan lokasi longitud tempatan dan Kaabah (darjah, jam, minit), λ_t & λ_m
- ii) Dapatkan kedudukan lokasi latitud tempatan dan Kaabah (darjah, jam, minit), φ_t & φ_m
- iii) Gunakan kalkulator saintifik, atau mana-mana e-kalkulator (contoh: CASIO fx-570ES PLUS)
- iv) Masukkan nilai-nilai terlibat ke dalam formula persamaan (1) (Joko Satria, 2023):

$$\tan \alpha = \frac{\sin \Delta \lambda}{\tan(\varphi_m) \cos(\varphi_t) - \sin(\varphi_t) \cos(\Delta \lambda)} \quad (1)$$

di mana,

$$\sin \Delta \lambda = \lambda_t - \lambda_m$$

Sampel Pengiraan secara Kendiri

Kita boleh juga merujuk kepada laman-sesawang tertentu bagi memberikan butiran informasi kedudukan Kaabah. Contohnya, <https://latitude.to/articles-by-country/sa/saudi-arabia/345/kaaba>, di mana kedudukan latitud dan longitud Kaabah dinyatakan seperti berikut:

Latitud Kaabah : $21^{\circ} 25' 12.59''$ N, bersamaan 21.420164986° ;
 Longitud Kaabah : $39^{\circ} 49' 20.39''$ E, bersamaan 39.822330044° .

Manakala, sekiranya kita melayar informasi dari laman-sesawang yang berlainan, berkemungkinan akan juga memberikan nilai kedudukan minit yang sedikit berbeza. Contohnya seperti di sampel pengiraan di bawah ini, persamaan (2) - persamaan (11).

Sampel pengiraan arah kiblat di UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh:

i) Latitud UiTM Kampus Permatang Pauh : $\varphi_t = 5^{\circ} 22' 57.8''$ N

ii) Longitud UiTM Kampus Permatang : $\lambda_t = 100^{\circ} 24' 50.6''$ E

iii) Latitud Makkah Mukarramah : $\varphi_m = 21^{\circ} 25' 20.9532''$ N

iv) Longitud Makkah Mukarramah : $\lambda_m = 39^{\circ} 49' 34.3416''$ E.

$$\tan \alpha = \frac{\sin(\lambda_t - \lambda_m)}{\tan(\varphi_m)\cos(\varphi_t) - \sin(\varphi_t)\cos(\Delta\lambda)} \quad (2)$$

$$= \frac{\sin(100^{\circ} 24' 50.6'' \text{ E} - 39^{\circ} 49' 34.3416'' \text{ E})}{\tan(21^{\circ} 25' 20.9532'' \text{ N})\cos(5^{\circ} 22' 57.8'' \text{ N}) - \sin(5^{\circ} 22' 57.8'' \text{ N})\cos(100^{\circ} 24' 50.6'' \text{ E} - 39^{\circ} 49' 34.3416'' \text{ E})} \quad (3)$$

$$= \frac{\sin(60^{\circ} 34' 31.66'')}{\tan(21^{\circ} 25' 20.9532'' \text{ N})\cos(5^{\circ} 22' 57.8'' \text{ N}) - \sin(5^{\circ} 22' 57.8'' \text{ N})\cos(60^{\circ} 34' 31.66'')} \quad (4)$$

$$= \frac{0.871003481}{(0.3923485333)(0.9955902981) - (0.09380809324)(0.4912768359)} \quad (5)$$

$$= \frac{0.871003481}{(0.3906183932) - (0.04608574323)} \quad (6)$$

$$= \frac{0.871003481}{(0.34453265)} \quad (7)$$

$$= 2.528072393 \quad (8)$$

Justeru,

$$\tan \alpha = \frac{\sin(\lambda_t - \lambda_m)}{\tan(\varphi_m)\cos(\varphi_t) - \sin(\varphi_t)\cos(\Delta\lambda)} = 2.528072393 \quad (9)$$

dan

$$\alpha = \tan^{-1}(2.528072393) = 68.41831483 = 68^{\circ} 25' 5.93'' \quad (10)$$

Maka arah kiblat,

$$360^{\circ} - \alpha = 360^{\circ} - 68^{\circ} 25' 5.93'' = 291^{\circ} 34' 54.07'' \quad (11)$$

Nilai pengiraan arah kiblat di atas boleh diterimapakai kerana berada di dalam kedudukan julat Malaysia iaitu arah kiblat ditentukan menerusi panduan azimuth pada sudut antara 291° hingga 293° , berdasarkan kedudukan lokasi sesebuah bandar (Ahmad Irfan, 2019).

Kesimpulan

Solat bukan sahaja satu kewajiban yang boleh diambil ringan, menebarkan sejadah ke arah kiblat yang betul merupakan juga satu kewajiban aula pra-solat. Justeru itu, marilah kita sama-sama mempraktikkan pengiraan ini di rumah dan kediaman masing-masing, bagi memastikan arah kiblat ketika kita bersolat tidak tersasar jauh dari kedudukan Ka'abah yang sebenar. Wa'Allahua'lam bissawab.

Rujukan

- i) Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham (Jun 2019). Panduan azimuth penentu arah kiblat. <https://www.hmetro.com.my/addin/2019/06/468790/panduan-azimuth-penentu-arah-kiblat>
- ii) Joko Satria A. (28 Julai 2023). Siri Pengajian Sijil Lanjutan Falak (SALAF) Sub: Sfera Samawi. Anjuran Mufti Negeri Pulau Pinang.
- iii) Kupasan Ringkas Berkenaan Bumi Datar Dari Perspektif Ilmu Falak (25 Mac 2015). Diambil pada Disember 15, 2023. <https://muftiwp.gov.my/ms/falak/bayan-al-falak>
- iv) Latitude and longitude of Kaaba In Saudi Arabia (Januari 2024). Diambil pada Januari 2, 2024. <https://latitude.to/articles-by-country/sa/saudi-arabia/345/kaaba>

Di sunting oleh: Syarifah Adilah Mohamed Yusoff & Elly Johana Johan



Undang-undang jinayah adalah hukum-hukum islam yang dikenali juga sebagai Kanun Jenayah Syariah yang dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu Huduh, Qisas, Diat dan Takzir.

Hudud, حدود □ adalah batasan, sempadan, had, halangan dan sekatan yang dibuat oleh ALLAH SWT dan tidak boleh dilanggar oleh sesiapa pun.

Qisas, قِصَاص □ adalah kesalahan yang dikenakan hukum balas atau serupa oleh penjenayah, contoh membunuh dibalas dengan bunuh, melukakan anggota badan dibalas dengan melukakan anggota badan.

Persamaan dengan hudud: Kadar dan bentuk telah ditentukan oleh Allah di dalam Al-Quran.

Perbezaan dengan hudud: Hukum Qisas dituntut oleh mangsa atau keluarga mangsa, tetapi jika tidak dituntut maka tidak boleh dikenakan hukum qisas. Manakala hukum Hudud wajib dilaksanakan walaupun tidak dituntut.

Diat, دِيَات □ adalah pampasan dan ganti rugi terhadap kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan kesalahan Qisas seperti mencederakan anggota badan. Manakala hukuman-hukuman tersebut telah ditetapkan oleh Allah dan rasul di dalam Al-quran/ Hadis.

Ta'azir, تَعْزِير □ adalah hukuman yang tidak ditentukan oleh Allah SWT sama ada kadar atau bentuk hukuman di dalam Al-Quran/ Hadis. Ia tidak termasuk dibawah kes yang boleh dijatuhkan hukuman Hudud atau Qisas. Ia terletak dibawah kebijaksanaan pemerintah, badan perundangan atau hakim, tetapi ulama berpendapat hukuman tersebut tidak boleh menyamai sekurang-kurangnya hudud. Justeru itu bergantung kepada kearifan hakim untuk menentukan hukuman dan bertujuan untuk menghalang penjenayah mengulangi kejahatan tersebut yakni tidak menyiksa mereka.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السَّلَامِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Ugama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السَّلَامِ كَافَّةً وَلَا
تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ
مُبِينٌ

Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Uqama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.

By Rafizah Kechil & Wan Anisha Wan Mohammad

UNVEILING THE GOLDEN ANGLE BY SKETCHING CAR'S SIDE VIEW USING PLAYGROUND AI



The golden angle is a special angle that is related to the golden ratio, a mathematical constant that is approximately equal to 1.618. The golden angle is about 137.5 degrees, and it has some interesting properties that make it useful for generating artistic images. One of the properties of the golden angle is that it can divide a circle into two parts, such that the ratio of the larger part to the smaller part is equal to the ratio of the whole circle to the larger part. This ratio is the same as the golden ratio, and it creates a harmonious and balanced proportion. This proportion can be found in many natural phenomena, such as the arrangement of petals, leaves, seeds and shells. Some artists and designers have used this proportion to create aesthetically pleasing compositions, such as paintings, sculptures, logos and photographs. In this context, we intend to share our experience with the process of generating a side view of a car using Playground AI. Our approach involved integrating the principles of the golden angle into our instructions to produce an artistic representation of the car's side view. We used the following prompt to generate the image:

"Imagine and sketch the exterior design of a car that embodies the concept of beauty through the application of the golden angle proportion. The golden angle, approximately 137.5 degrees, is a geometric ratio found in nature and is believed to create visually pleasing compositions. Incorporate this proportion into the car's overall shape, the angles of the body panels, the positioning of key features like the grille, headlights, windows, curves and contours of the design."




When we used Microsoft Bing's Visual Search to look for images resembling those generated by Playground AI for cars, the search results displayed pictures of sports cars from well-known brands like



Porsche, Nissan, Tesla, Ferrari, Mazda, Aston Martin, Jaguar



and more. This indicates the possibility that the designs of these sports cars employ the concept of the golden angle or golden ratio in their sketches.



Source:

- (1) Playground - free-to-use online AI image creator. <https://playgroundai.com/>.
- (2) Complete guide to AI image creation with Playground AI - Speechify. <https://speechify.com/blog/playground-ai/>.
- (3) Playground AI - AI tool. <https://tools.aipowerlab.io/tools/playground-ai/>.
- (4) How To Use the Golden Ratio in Art Composition & Design. <https://artignition.com/golden-ratio-in-art/>

ChatGPT, Bing AI dan Google Bard

Mana Pilihan Hati



ELLY JOHANA & AZLINA MOHD MYDIN

ChatGPT, Bing AI dan Google Bard adalah tiga model AI yang berbeza untuk mencapai suatu objektif. ChatGPT adalah model AI yang dicipta oleh OpenAI yang digunakan untuk menjawab soalan, membantu menulis tugas dan menghasilkan teks kreatif. Bing AI adalah alat bantu yang dapat digunakan untuk membuat gambar kreatif dengan menggunakan teknologi AI. Google Bard adalah model AI yang digunakan untuk menulis puisi, cerita pendek, dan artikel. Ketiga-tiga model AI ini mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Namun, ChatGPT dan Google Bard lebih fokus pada penghasilan teks kreatif sementara Bing AI lebih fokus pada penghasilan gambar kreatif. Input yang sama boleh memberi output yang mungkin sama atau berbeza mengikut kepakaran ketiga-tiga model tersebut. Ilmu pengetahuan amat diperlukan untuk menilik dan menapis kandungan yang dipaparkan. Kredit harus diberikan kepada ChatGPT, Bing AI dan Google Bard kerana mereka begitu bersopan dalam penggunaan ayat semasa menjawab setiap soalan yang diajukan. Berikut adalah sedikit perbandingan mengenai ketiga-tiga model tersebut berdasarkan pengalaman penulis. Selamat mencuba.

	Kebolehan	Ketepatan	Kreativiti
ChatGPT	Tinggi	Terbaik untuk memahami dan menjawab soalan yang rumit.	Baik untuk menjana kandungan kreatif bergantung kepada bahasa tertentu namun perlu pengolahan ayat yang banyak jika menggunakan Bahasa Malaysia.
Bing AI	Sedehana	Baik untuk memahami dan menjawab soalan yang rumit.	Baik untuk menjana kandungan kreatif tetapi penggunaan perkataan kreatif agak tehad.
Google Bard	Tinggi (Penulisan Kreatif)	Baik untuk memahami dan menjawab soalan yang mudah.	Terbaik untuk menjana teks kreatif dengan lengkok ayat dan pemilihan perkataan yang lebih meluas tetapi masih tidak dapat menandingi sebuah penulisan kreatif yang lahir dari luahan emosi penulis yang bergelar manusia.

SKETCHING CAR'S SIDE VIEW USING PLAYGROUND AI

By Rafizah Kechil & Azlina Mohd Mydin

Playground AI is a user-friendly online tool that enables us to craft and enhance images with professional finesse, even if we lack the expertise. With it, we can create a variety of visuals, from art to social media posts, presentations, posters, videos, logos and more. Leveraging cutting-edge generative AI algorithms like DALL-E from OpenAI, Playground AI can transform our concepts into breathtaking art pieces and lifelike imagery. Playground AI represents an ingenious fusion of AI utilities and creative spaces, cultivating an environment that enriches cognitive development and artistic expression.



In this context, we aim to generate a car's side view using Playground AI. We have incorporated the principles of the golden ratio into our instructions to craft an artistic rendition of the car's side view. The subsequent prompt outlines the specific instructions we employed for this purpose:

"Imagine and sketch the exterior design of a car that embodies the concept of beauty through the application of the golden ratio proportion. Consider how the car's length, width, height, wheelbase, and key features like the grille, headlights, and windows can be harmoniously arranged to create an aesthetically pleasing and balanced design."

What can be observed from the generated image is that there is a car image that closely resembles the main character's car in the Cars movie series, namely Lightning McQueen.

The possibility is that the prompt used in generating this car image aligns with the characteristics present in the image of Lightning McQueen.




Source:
(1) Playground - free-to-use online AI image creator. <https://playgroundai.com/>.
(2) Complete guide to AI image creation with Playground AI - Speechify. <https://speechify.com/blog/playground-ai/>.
(3) OpenAI Platform. <https://platform.openai.com/playground>.
(4) Playground AI - AI tool. <https://tools.aipowerlab.io/tools/playground-ai>.
(5) https://en.wikipedia.org/wiki/Lightning_McQueen

Mudahnya Cipta Gambar AI *dengan* Canva

SITI ASMAH MOHAMED


Canva merupakan satu aplikasi semua dalam satu (all in one) yang amat membantu para guru dan pendidik khususnya dalam menyediakan bahan pengajaran. Terkini, Canva telah dibekalkan dengan program AI (Artificial Intelligence) Art Generator, yang memudahkan pengguna untuk membuat gambar berdasarkan teks (text to image). Terdapat beberapa program AI Art Generator yang boleh digunapakai oleh pengguna Canva, seperti Dall-E, Imagen dan Magic Media. Program AI Art Generator pada aplikasi Canva ini boleh diakses dengan mudah, misalnya pengguna dapat menjana gambar AI dengan hanya memasukkan teks perintah.

Berikut adalah langkah-langkah ringkas untuk menjana atau mencipta gambar AI melalui Canva. Pertama, pengguna perlu log masuk ke aplikasi canva.com. Jika ingin menghasilkan slaid persembahan, pilih templat presentation dan klik pada ikon tersebut.








Seterusnya, pilih menu "Apps" di tepi bahagian kiri dalam Canva dan skrol "AI Powered". Pilih program AI Image Generator yang hendak digunakan bagi mencipta gambar AI.





Selanjutnya, klik pada ikon "Magic Media" sebagai pilihan bagi program AI Image Generator dengan memasukkan teks perintah di ruang kotak yang tersedia. Rajah di atas menunjukkan contoh yang telah dihasilkan dengan memasukkan teks perintah untuk menghasilkan gambar AI iaitu "A hijab girl riding a bike goes to school in the morning" dan seterusnya klik pada "Generate Image".



Sekiranya gambar AI yang dijana tidak memenuhi kehendak, pengguna boleh mengulang semula dengan mengklik "Generate again". Pengguna akan dipaparkan dengan empat variasi gambar AI.



Langkah terakhir, pengguna boleh menukar gambar imej kepada video dengan menekan ikon tiga titik pada gambar AI dan pilih "Generate video".



Ciri baharu yang dikemaskini dalam aplikasi Canva iaitu AI Art Generator dibina khas bagi mencipta dan melakukan pengolahan gambar sesuai keinginan pengguna berdasarkan teks perintah yang dimasukkan. Pengguna bebas menyusun teks perintah yang jelas, spesifik dan terperinci untuk menjana gambar AI melalui AI Art Generator. Berdasarkan panduan dan langkah-langkah yang dijelaskan di atas, pengguna kini boleh mencipta pelbagai kandungan visual AI dengan lebih cepat, menarik dan berkesan. Mudah dan ringkas bukan?

Selamat Mencuba!
Canva 

Bing Image Creator :

Create Digital Art From Textual

Bing Image Creator is a Microsoft Bing AI art generator powered by DALL-E 3, the most recent OpenAI project. It's built into Bing Chat, an AI-powered tool that allows you to create images, find answers to complex questions, and summarise large amounts of data all in one place. Bing Image Creator is also available in the Microsoft Edge sidebar as a standalone pane.

Bing Image Creator allows you create digital art from textual or descriptive prompts. Its artificial intelligence capabilities can recognise details such as object characteristics, facial expressions, backgrounds, and even artistic styles. When you describe the image you want to see, Bing Image Creator will transform your idea into visually appealing artwork.

You can get started quickly with Bing Image Creator. To make digital art with this AI art generator, follow these steps:

Step 1

Open Bing Chat or Microsoft Edge and log in by selecting the Bing Chat or Bing Image Creator icon from the sidebar.

Step 2

Enter your prompt in the search box. Be as descriptive as possible when using an AI chatbot to ensure an accurate result. Microsoft enhanced it by adding more language support, including Bahasa Malaysia.

Step 3

The results are available in a few seconds. Typically, four generated images are displayed for each prompt.

Step 4

Simply clicking on an image expands it and gives you the option to share it, save it to your account, download it, or customise it.


◀ **Home**

◀ **Tutorials**


Q Bing Image Creator: Create Digital Art from Textual

Here are some images that I attempted to create using text that I entered into Bing Image Creator in either English or Bahasa Malaysia.

◀ Samples



They aren't always great, because free AI image generators aren't always advanced enough to generate truly lifelike images, so you may notice some errors in details, such as a graph in mathematics cannot be displayed in 2D form and the true design of a building cannot be displayed accurately. As you can see in the examples below.



You can try to express drawing art with just words in a few seconds. Isn't that interesting?

BING IMAGE CREATOR, PERASAN TAK? AI...KADANG KALA MENJADI ALAHAI!!!

ELLY JOHANA JOHAN & WAN ANISHA WAN MOHAMMAD




AI direka untuk menjalankan tugas tertentu dalam domain terhad. AI mengeluarkan output berdasarkan input yang diberikan, kadang kala "cemerlang", kadang kala "kecundang" kerana "mereka" tidak mempunyai kecerdasan untuk menilai sesuatu maklumat secara tepat. Contoh aplikasi AI yang mempunyai jutaan pengguna adalah ChatGPT, Bing AI dan Google Bard. Aplikasi ini boleh membantu dalam kehidupan seharian tetapi tidak mampu menyaingi kecerdasan manusia yang boleh melaksanakan tugas intelektual secara kompleks. Aplikasi AI boleh digunakan sebagai alternatif penyelesaian suatu masalah tetapi jangan terima bulat-bulat dan percaya seratus peratus dengan apa yang dipaparkan. Akal dan fikiran seorang insan perlu meneliti output yang diberi dengan fakta dan ilmu pengetahuan yang dipelajari. Mari sama-sama kita menilik beberapa imej yang nampak sempurna pada pandangan mata kasar tetapi tidak pada realiti yang sebenar.

A. Inovasi manisan??



Perasan tak, kuih yang agak ganjil ini? Ini adalah bingka ubi kayu. Mungkin satu inovasi, manisan diletakkan telur setengah masak di atasnya!!!

B. Raja buah!



Perasan tak, keganjilan pada raja buah ini? Mungkin kita boleh mula mencari spesies buah durian yang mempunyai ulas begini bila tiba musimnya nanti.

C. Kasut siapa tu??



Perasan tak, kaki cikgu tu ada berapa? Jenuh nak membeli kasut selepas ini.

D. Teknologi baharu!



Perasan tak, pensyarah dan pelajar menaiki membelakangi komputer...teknologi terkini kah?

E. Kecelaruhan identiti...




Perasan tak, imej di belakang mengalami kecelaruhan identiti? Lelaki bermisai bertudung litup!!!

F. Luar biasa!!



Perasan tak, jari tangan emak bayi tersebut lebih banyak dari kebiasaan?



Perasan tak, cerita jari terlebih lagi? Kerap sangat Bing Image Creator menambah bilangan jari manusia!!!

BIHUN BRIYANI



Bahan -bahan

Bihun

Rempah briyani

Ayam/Daging

Bawang

Halia & Bawang Putih

Daun Pudina

Daun Ketumbar

Daun Pandan

Minyak sapi

Yogurt

Rempah sekawan

Tomato

Cara Penyediaan

1. Panaskan minyak sapi dan minyak masak, lalu tumis rempah 4 sekawan, pes kisar bawang putih, pes kisar halia, daun pandan, daun pudina dan tomato dadu.
2. Masukkan rempah briyani, air, garam yang secukup rasa. Kacau sehingga bahan sehati. Masak sehingga rempah tersebut mereneh atau pecah minyak.
3. Masukkan ayam dan biarkan masak untuk 15 minit.
4. Rendamkan bihun dengan air biasa sebelum dimasukkan ke dalam masakan.
5. Taburkan kuah ayam briyani diatas bihun lapisan demi lapisan dalam periuk nasi elektrik dan biarkan campuran ini masak .
6. Taburkan bawang goreng, daun ketumbar keatas bihun briyani dan biarkan dalam keadaan warm untuk beberapa minit.



WOW!!

INDIAN TRADISIONAL FOOD (MEAL V1)

Azlina Mohd Mydin & Syarifah Adilah Mohamed Yusoff



Sumber Gambar : <https://bidadari.my/kuih-tradisional-india/>
<https://saji.my/makanan-tradisional-india/>

BY: AZLINA BINTI MOHD MDYIN & RAFIZAH KECHIL



Wow!!! Indian Tradisional Food (Meal V1)



UTAPPOM




PURI



IDLI



PURI



TOSAI

UPMA



Bon
Appétit



WANPAKU SANDWICH



STEPS TO MAKE WANPAKU SANDWICH

INGREDIENTS

Filling:
 egg/chicken slice/sausage/tuna
 salad/lettuce, fresh tomatoes, cucumber, cabbage

Sauce:
 mayonnaise, chilli sauce, thousand island, tomato sauce
 3 slices of bread, food wrapping



1 Place 3 slices of bread on the food wrapping. Spread butter on the bread.



2 Put any fillings on the first bread. Put some sauce on it.



3 Put another slice of bread on top of it and put vegetables on the second slice of bread. Cover the sandwich with the third slice of bread.



4 Wrap the sandwich with the food wrapping and cut the sandwich into two.

It's ready to EAT!

FOOD TRENDS IN MALAYSIA

BY: WAN ANISHA & ELLY JOHANA

CROMBOLONI



1

Cromboloni is a combination of croissant and bomboloni. It is made from danish pastry, rolled to perform layers and perfectly baked. Fillings such as chocolate, matcha, strawberry and pistachio paste are added to give sweetness to the crunchy teksture.



JELLY BALLS

2



Jelly balls are desserts made of jelly with fruit fillings in it. The cooked jelly is poured into round mould shapes to perform a ball shapes.

MOCHI BITES

3



Mochi bites are made from glutinous rice flour. It can be found in various flavour such as original, chocolate, strawberry and matcha. Mochi bites can be dipped with cream cheese sauce or it can be added together with chocolate dipping sauce and nuts.

TANGHULU

4



Tanghulu are fresh fruits such as strawberry, orange and grapes served on a bamboo skewer and dipped in a sugar syrup to give more sweet tasteness to the fruits.



CHOCOLATE FRUIT COCKTAIL

5



Chocolate Fruit Cocktail are combination of fresh fruits such as strawberry, grapes, blueberry and kiwi served with combinations of chocolate toppings.



CROFFLES

6



Croffles are croissant which are made using waffle maker. Its crunchy tekstur are best served with varities of toppings such as powdered sugar, chocolate, biscoff, oreo crumbs and fruits.

RED VELVET DONUT

The red velet donut is a combination of cocoa powder, as well as buttermilk vinegar, and red food coloring that gives the donut its iconic red tint. It is fluffy, tender and dipped in powdered sugar.



7

CHOCO JAR

8



Choco jar is a combination of cereal (mini cornflakes/ cococrunch or bubble rice) and melted chocolate. Various topping can be added to the choco jar to make it looks more tempting.



KABU SAGHE



ETOK SALAI



NASI KABU

JOM GHASO MAKANE KELATE

OLEH: WAN ANISHA & SYARIFAH ADILAH



NASI DAGE



TUPAT SOTONG



LAKSE

SUMBER:

Nurmunirah Mardi, FB TRGS Etak Salai, Cookpad Nor Alfatihah, Modirosa, tasteatlas,
Illuminasi: Jamer Shada

KENALI ANGGOTA BADAN

AZLINA BINTI MOHD MYDIN
ELLY JOHANA BINTI JOHAN

Modhi

DALAM BAHASA TAMIL

Mooku

Kannu

Kai

Khaadhu

Pallu

Kaal

Viralgal

Mutti



TOOLS TO DEVELOP

BY: WAN ANISHA WAN MOHAMMAD & AZLINA MOHD MYDIN

U F U T U R E



ufuture is the main platform in publishing MOOC or Micro-Credential (MC) for UITM developers. It is a Learning Management System (LMS) which is specially developed for UITM students and lecturers to promote online learning in UITM. However, with the development of MOOC and MC, ufuture can be used worldwide by anyone who are interested to join the course.



C A N V A

Canva is a free-to-use online graphic design tool. It is use to create social media posts, presentations, posters, videos, logos and more.



C L I P C H A M P

Clipchamp is a video editor designed to make video creation easy for everyone, even for those with no prior editing experience.



C A P C U T

CapCut is an all-in-one creative platform powered by AI that enables video editing and image design on browsers, Windows, Mac, Android, and iOS.



Q U I Z Z I Z

Quizizz is an interactive quiz building platform designed to engage students on a deeper level than traditional quizzing. It is use in-class lessons or assign to students to complete on their own time outside of class.



FOR UITM PENANG

STEPS IN MOOC/MC DEVELOPMENT

BY: WAN ANISHA BINTI WAN MOHAMMAD



1

CHECK CODE AVAILABILITY

Please refer to your campus e-Learning Coordinator

2

FILL IN PRE-REGISTRATION FORM

Fill in the pre-registration form and get approval from RP / Deans. Send to campus e-Learning Coordinator to get approval from Rector



3

REGISTRATION INTO SYSTEM

Campus e-Learning Coordinator will register the MOOC/MC based on the pre-registration form into the MTRACK System.



4

WAITING FOR APPROVAL BY ICEPS

ICEPS will approved the registration and once approved, the code will be available in the MTRACK System. Developers can start with the development based on the timeline given.



5


DEVELOPMENT AND EVALUATION

MOOC/MC development complete and Ready for Evaluation based on Content, Language and Design. To achieve Ready to Publish status, all the three evaluation must achieve Band 4.



*Please refer to your campus e-Learning

HOW TO SCORE POINTS WHILE SURFING THE WEB!




Just sign up
for a
Microsoft
account –
easy peasy!

Rafizah binti Kechil,
Elly Johana binti Johan


Alright, we're all on the daily internet quest, searching away, right? But hold up – our regular browsers like Google Chrome or Firefox aren't throwing any rewards our way. Bummer! But fret not, because Microsoft Bing is here to shake things up. They're actually hooking us up with points based on our search escapades! And the kicker? You can trade those points for some fantastic goodies, like Lotus's vouchers. So, let's spill the beans on how we can all pile up those points and turn our daily search routine into a rad and rewarding game. Excited? Join the Microsoft Rewards fun and let's start racking up those points together!

Just sign up for a Microsoft account – easy peasy! No commitments or fees involved; it's all part of your Microsoft account. Once you're logged in, hop over to the Rewards page.


Bag those points by staying logged in with your Microsoft account on Bing. Also, spice things up by setting Bing as your go-to search engine in your favourite browser. Every search becomes a points party!



Get your daily dose of Bing excitement by searching and reading articles on MSN, Edge and beyond. Don't forget to swing by rewards.bing.com or bing.com regularly to uncover more chances to score those sweet points!



Hop over to the redemption page to discover fresh offers, check your current points status and explore the awesome array of rewards waiting for you. Whether it's gift cards, cool gear or donations to your favourite nonprofit, your points open up a world of possibilities!



MONOLOG SEORANG AKU



Noor Aina Abdul Razak

Sudah hampir tiga tahun aku mengenalinya, sejak aku dipindahkan ke pejabat baru. Sejak perkenalan hari pertama, antara aku dan dia, kami saling bertegur sapa. Aku berasa senang sekali bila dapat berbicara dengannya, walaupun jarang bertemu kerana kami berlainan jabatan. Tetapi, kebelakangan ini aku dapat merasakan layanannya terhadapku berlainan sekali sehinggalah..

“Keluar nak?” dia bertanya padaku.

“Tak nak!” jawabanku yang ringkas itu menghampakannya.

Namun, dia tidak berputus asa untuk terus mengajakku keluar. Soalan yang sama sering diajukan padaku.

“Keluar nak? Hujung minggu ni. Aku dah lama nak belanja kau makan.” Untuk kesekian kalinya dia terus mengajakku.

“Kalau setakat nak belanja makan, di sini pun boleh,” kataku serba salah. “Tapi...nantilah, saya fikirkan dulu.”

Itulah jawabanku. Jawapan yang sama setiap kali dia bertanyakan soalan itu. Pernah, dia menetapkan sendiri tarikh untuk berjumpa denganku. Malang baginya kerana kusangkakan ajakan itu sekadar satu gurauan. Aku sama sekali tidak menyangka dia betul-betul bermaksud untuk berjumpa denganku pada hari tersebut.

Beberapa minggu berselang. Dan, sekali lagi dia cuba mengajakku keluar. Akhirnya aku bersetuju memberi kata putus.

“Saya boleh keluar, tapi dengan syarat. Kita pergi berasingan. Awak tunggu saya di sana, boleh?” Jauh di dalam hatiku berkata, “Betul ke apa yang aku katakan ini?” Walaupun aku menerima pelawaannya, aku bimbang jika telahanku benar belaka.

“Baik! Aku tunggu kau di sana jam sebelas pagi, di hadapan bank, ok!” Begitu senang sekali dia bersetuju dengan syaratku.

Malam itu aku asyik memikirkan janjiku untuk bertemu pada minggu hadapan. Bermacam-macam soalan yang timbul di dalam fikiranku. Risau aku dibuatnya.

“Apa yang dia mahukan dariku? Kalau setakat nak belanja, apa salahnya makan di sini saja? Apa yang harus dimalukan?”

Hari itu, hatiku berdebar-debar. Setiap detik mataku asyik memandangi pusingan jarum jam. Bila jam menunjukkan pukul sepuluh pagi, aku sudah keluar dari rumah sewaku. Peganganku, biar aku yang menunggu orang, jangan orang menunggu aku. Ketika menaiki bas, aku rasakan perjalanannya lambat sekali. Padahal aku tahu, masa untuk sampai hanya 30 minit sahaja. Ketika bas berhenti di tempat yang dituju, aku tidak terus ke tempat yang dijanjikan kerana belum pukul sebelas. Sebaliknya aku cuba berjalan-jalan untuk menenangkan perasaanku. Tepat jam sebelas, bila aku ke sana, kulihat dia sudah menunggu.

“Assalamualaikum,” spanya.

“Walaikumussalam. Dah lama tunggu?” dalam keadaanku yang belum bersedia aku cuba berlagak seperti biasa. “Kita nak ke mana ni? Nak terus makan ke?” Aku cuba bertanya lagi.

“Nantilah dulu. Awal lagi ni. Kita masuk ke dalam pasaraya ni dulu. Aku nak membeli barang sedikit,” katanya.

Lalu, kami bergerak masuk ke dalam pasaraya berdekatan. Aku meninggalkannya di bahagian lelaki, dan terus menuju ke bahagian pakaian wanita. Sebenarnya, aku tidak bertujuan untuk membeli, sekadar untuk menenangkan hatiku yang masih berdebar ini. Ketika aku kembali ke bahagian lelaki, dia masih belum selesai memilih lagi.

“Hai! Tak sudah lagi ke? Apa yang tak kena dengan yang itu?” Aku cuba bersuara.

“Yang ini tak sesuai la. Aku nak cari yang lebih selesa,” balasnya.

“Suka hati awaklah. Saya tunggu di bawah, ok.” Beberapa minit kemudian kulihat dia turun dengan menjinjing sebuah beg plastik.

“Dah dapat?” Tanyaku ringkas.

“Dah. Nak ke mana lepas ni?”

“Entah. Manalah saya tahu. Orang yang ajak, saya ikut saja. Awak yang nak belanja.”

“Kalau begitu, jom! Kita ke KFC,” ajaknya sambil tersenyum.

“Hai, termenung ke?” Secara tiba-tiba dia menegur, sambil meletakkan makanan yang dipesan. Lamunanku terputus di situ.

“Tak. Saya tengah memerhatikan orang yang lalu lalang tu,” aku cuba berdalih.

“Makanlah. Apa yang kau tunggu lagi?” Pelawanya.

“Banyaknya awak pesan. Habis ke ni?”

“Tak habis tak apa. Aku yang bayar, kau makan saja.”

Sambil makan aku terus memikirkan tentang soalan-soalan yang telah aku rakamkan dalam kotak fikiranku ini. Patutkah aku bertanya padanya tentang hal itu?

“Saya nak tanya beberapa soalan boleh tak?” Aku memberanikan diri untuk bertanya.

“Banyak mana kau nak tanya pun tak apa,” dia memberikan aku keyakinan untuk meneruskan niatku.

“Saya dengar awak belum kahwin, betul ke?”

“Siapa yang beritahu kau? Ini tentu ada yang buat cerita. Memang benar aku belum kahwin. Mengapa? Kau tak percaya ye?” Dia pula yang menyoalku. “Kalau aku dah kahwin, aku tak ajak kau keluar hari ni,” sambungnya sebelum sempat aku menjawab.

“Bukan itu maksud saya. Saya lihat awak macam orang yang telah berkeluarga. Sebab tu saya tanya. Umur awak berapa sekarang?” Secara ‘direct’ aku ajukan soalan kedua untuknya.

“27 tahun. Mengapa kau tanya?”

“Saja nak tau.” Aku menjawab secara selamba.

“Kenapa awak ajak saya keluar. Orang lain kan ramai lagi? Mengapa saya yang dicari?” Aku cuba memecahkan keraguan yang bermain di fikiranku.

“Kau nak tahu sangat-sangatlah ya? Hmm. Aku rasa senang bila dapat berbual dengan kau. Banyak cerita yang dapat kita kongsi bersama. Lagipun engkau seorang pekerja dan pelajar part time. Cara pemikiran kau tak sama dengan mereka yang aku kenali sebelum ini. Selain itu, aku nak belanja kau! Itu saja,” katanya itu diakhiri dengan ketawa kecil. Dari awal kuperhatikan, dia memang seorang yang senang ketawa. Hati riang mungkin.

“Kalau begitu tak apalah,” sahutku sambil tersenyum.

Sambil berbual kami menghabiskan makanan yang tinggal sedikit lagi. “Habis juga ‘food’ ni,” kata hatiku.

Kemudian kami terus beredar ke deretan kedai pakaian yang berdekatan. Aku memang tidak pernah ke situ. Jadi, sekali lagi kubiarkan dia berjalan di hadapanku. Sambil itu, aku membelek-belek t-shirt yang digantung, tetapi tiada satu pun yang menarik perhatianku.

Ya, Allah! Jantungku berdegup kencang. Benarkah apa yang kulihat ini? Aku bertembung dengan rakan-rakan sekerjaku.

“Macamana ni? Matilah aku kali ni,” hatiku bersuara. “Kalaulah mereka nampak.”

Aku berlagak seperti tiada apa-apa yang berlaku ketika salah seorang daripada mereka menegurku. Mereka tak lama di situ. Lega hatiku. Apabila aku mendekatinya semula, dia memberitahuku yang dia telah menyedari akan hal tu, sebab itu dia berada jauh dari aku. Patutlah semasa mereka menegurku tadi aku lihat dia tiada di situ.

Selesai merayau melihat pakaian-pakaian yang dijual, kami menuju ke panggung wayang berhampiran. Nak tengok Adi Putra katanya. Di situ, sekali lagi aku bertembung dengan rakan-rakanku yang tadi. Jadi, untuk mengelakkan mereka menyedari kehadirannya, aku pun masuk seorang diri ke dalam panggung. Kira-kira lima minit lepas itu barulah dia masuk dan duduk di sebelahku. Cerita Mat Kilau yang kami tonton walaupun agak membosankan aku, tetapi tetap menghiburkan. Aku lihat dia begitu khusyuk.

“Lantak kaulah, asalkan itu mengembirakan,” aku berkata pada diriku sendiri.

Ketika menonton, kami tidak banyak bersuara. Masing-masing lebih menumpukan perhatian pada cerita yang ditayangkan. Tamat sahaja cerita, aku biarkan dia keluar dahulu dan menunggu aku di luar. Aku mahu mengelakkan diri dari bertembung dengan mereka lagi. Kemudian kami menuju ke surau untuk solat zohor. Selesai bersolat, aku lihat dia telah sedia menunggu aku.

“Nak ke mana lagi? Balik?” Soalnya.

“Entah le. Nak balik pun awal lagi,” jawabku acuh tak acuh dengan pertanyaannya tadi.

“Kalau begitu, kita lepak kat situ sekejap,” dia sendiri memberikan jawapannya.

Di satu sudut kedai makan, kami meneruskan perbualan. Ketika itu, jam sudah menunjukkan pukul 5.30 petang. Nampaknya aku perlu balik segera sebelum hari gelap. Dalam perjalanan ke stesen bas, aku mengambil keputusan untuk terus pulang ke rumah kerana aku bimbang jika aku melewatkan waktu, susah pula untuk mendapatkan bas nanti. Setelah mengucapkan terima kasih, aku pun menaiki bas yang sedia ada di situ.

Di dalam perut bas, aku tersenyum sendirian bila mengingati semula pertemuan hari ini. Biarlah kalau penumpang lain memandang ‘semacam’. Padaku dia seorang yang baik hati, tetapi aku menganggapnya biasa sahaja. Tidak terlintas di hati kecilku ketika itu untuk beranggapan lebih daripada seorang kawan.

Pertemuan hari itu aku biarkan berlalu begitu sahaja. Tentu dia telah berpuas hati kerana dapat membelanjaku tempoh hari. Beberapa hari selepas itu dia ada juga bertugas di sini, tetapi aku buat tak kisah saja. Bagiku, antara aku dan dia hanya sebagai kawan biasa walaupun sesekali aku mengingatinya.

Suatu hari, kerani di pejabat memberitahuku yang dia telah dua kali menelefon dan bertanyakan hal aku. Aku tahu dia memang baik dengan kakak kerani tu. Tapi, entah betul atau tidak hal ini aku tidak pasti.

Aku tertanya-tanya sendirian. “Untuk apa dia mencari aku? Masih adakah perkara yang belum selesai? Betul ke apa yang kakak ni cakap?” Bermacam-macam soalan bermain di fikiranku.

Beberapa hari lagi aku akan memulakan cuti untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama-sama keluargaku di kampung. Dan hari ini juga kekusutan yang bermain di fikiranku terjawab walaupun kurasakan tidak sepenuhnya. Kebetulan pada hari ini dia ada tugas di jabatan aku. Jadi, aku sengaja mengambil kesempatan untuk berjumpa dan berbual dengannya.

“Nak ke mana?” Dia menegurku.

“Ambil angin luar,” ujarku.

“Datang sini sekejap,” seperti seorang bos dia memanggilku. Aku lihat dia mengeluarkan sesuatu dari dalam begnya.

“Kad! Untuk siapa?” Aku berbisik pada diriku.

“Ini untuk kau.” Soalanku terjawab dengan sendiri.

Oh! Kad raya untuk aku rupanya. Selepas mengucapkan terima kasih, aku terus berlalu dari situ. Sememangnya aku terkejut. Itulah kad raya terbesar yang pernahku terima seumur hidupku. Apa mimpinya tiba-tiba memberikan aku kad tersebut? Zaman sekarang adalah sesuatu yang rare bila menerima kad hari raya.

Tiba di rumah selepas kerja, aku terus menuju ke meja studyku. Tidak sabar rasanya untuk melihat isi kandungan kad itu. Ya, Allah! Tabahkanlah hati hambamu ini. Apakah aku hanya bermimpi atau ia sekadar satu gurauan? Dadaku berdegup kencang. “Khas Untukmu Sayangku” tercetak dengan jelas sekali. Tulisannya hanya ucapan terima kasih kerana sudi keluar dengannya tempoh hari. Namun begitu, aku tertarik untuk membaca bait-bait puisi yang sedia tercetak pada kad itu.

“Sepanjang percintaan ini
Cabaran dan dugaan kutempuhi
Cinta setia yang kukari
Telah pun kutemui
 Kumencurah kasih bertahun
 Sesegar...sesuci titisan embun
 Padamu kuberi cinta sejati
 Tanda kesetiaanmu yang abadi
Selagi hayat masih ada
Aku akan tetap setia
Ku yakin rahmat buat kita
Menunggu di hari muka
 Sempena Aidilfitri
 yang mulia ini...
 Terimalah secebis Anugerah Cinta
 yang ikhlas dariku
Selamat Hari Raya
Maaf Zahir Batin”

Kuulang membaca baris-baris tersebut. Tergamam. Bersama-sama kad itu juga disertakan terjemahan ayat dan hadis untuk renunganku. Terima kasih. Tetapi, kad itu dan kata-kata yang tertera. Ah! Aku gundah jadinya.

Hari demi hari berlalu, aku berterusan memikirkan tentang hal itu. Kata-kata itu terus bermain di fikiranku. Namun begitu, seperti kad-kad lain yang aku terima, aku sediakan juga satu kad untuknya sebagai balasan. Aku terfikir untuk bertanya padanya secara terus terang. Aku mesti memberanikan diri untuk mendapatkan penjelasan, biar pun tindakan aku nanti dianggap tidak wajar.

“Free tak petang ni?” Aku menelefon.

“Hei! Mana kau dapat nombor aku ni?” Nada suaranya seperti terkejut.

“Dari Kak Tim. Free tak petang ni?” Aku mengulang soalanku tadi.

“Ada apa?”

“Boleh tak datang sini sekejap? Saya nak minta tolong jagakan pokok yang saya bela ni. Disebabkan saya cuti raya seminggu, jadi tak ada sesiapa yang boleh tolong siramkan. Boleh tak?” pintaku.

“Kalau begitu, Insya-Allah, lepas asar nanti aku datang ambil,” jawabannya melegakanku.

Tepat seperti yang dijanjikan, dia tiba dengan kereta merahnya.

Aku terus menyerahkan pokok yang kukatakan tadi. Kad balasan untuknya juga kubawa tetapi aku tidak mahu tergesa-gesa memberi padanya. Aku memerlukan penjelasan darinya. Aku nekad.

“Nak tanya sikit boleh tak?” Ku ajukan soalan.

“Banyak pun tak apa,” ujarnya.

“Kenapa berikan saya kad tersebut? Kata-kata dalam kad tu...” Lidahku kelu untuk terus berkata-kata.

“Ala. Bukannya apa. Mengapa nak risau? Anggap biasa sudah.” Bersahaja nada jawabannya.

“Macamana nak anggap biasa? Lain macam aje bunyinya.”

Aku mencuba lagi untuk mendapatkan kepastian. Jawapan yang kuterima masih sama. Lantas aku mendiamkan diri sahaja. Melihatkan aku mendiamkan diri, dia mengajakku bersiar-siar melihat bandar selepas pulang kerja. Aku cuba menolak pelawaannya walaupun aku menyedari hanya kebosanan yang ada jika aku terus berada di situ. Puas dipujuknya sehingga aku bersetuju. Tetapi hanya untuk sekejap saja sebab aku perlu ke stesen bas selepas magrib.

Kereta yang dipandu terus menuju ke pusat bandar. Leka aku seketika. Sambil berbual, aku menumpukan perhatian ke luar. Kekadang, apa yang dicakapkannya kurang jelas pada pendengaran. Salah diriku juga. Aku sendiri hampir-hampir membongkar semula kisah silam. Namun, serba sedikit dia tahu juga kisahku.

“Jadinya, kau ‘single’lah ya? Boleh la aku masuk!”

Berdegup jantungku mendengar kenyataannya. Aku cuba buat-buat tidak faham.

“Masuk apa?”

“Ya la. Masuk jadi ‘partner’ kau,” katanya.

Apa! Sekali lagi kurasakan jantungku seperti tidak berdenyut lagi. Terdiam aku seketika. Namun, aku masih mampu tersenyum. “Ah! Dia hanya bergurau,” hatiku berbisik. Namun, aku terangkan juga padanya bahawa aku mahu sendirian buat masa sekarang. Aku tidak mahu luka lama berdarah kembali. Kekecewaan mengajarku untuk lebih berhati-hati. Perbualan kami terhenti di situ. Leka bercerita. Sedar-sedar sudah tiba ke ofis semula.

“Jumpa lagi,” katanya sebelum meninggalkan aku.

“Insya-Allah. Oh! Ya! Ini kad untuk awak. Terima kasih kerana menghilangkan rasa bosan saya,” ujarku.

Semasa dalam percutianku sempena menyambut Aidilfitri, sesekali ingatan aku jatuh juga padanya. Rindukah aku? Ah! Perasaan! Benarlah seperti madah yang pernah aku baca dahulu. Perasaan bagai air laut yang bergelombang, sekejap mendatang, sekejap menghilang.

Tanpaku duga, suatu hari aku menerima panggilan telefon darinya. Nampaknya dia benar-benar berusaha mendapatkan nombor telefonku, dengan caranya yang tersendiri. Tujuannya hanya untuk memberitahuku yang dia tidak dapat datang ke rumahku pada hari raya nanti. Ketika itu baru aku teringat pada jemputanku tempoh hari. Padan muka aku. Serius pula dia pada ajak-ajak ayam aku.

Dua hari selepas itu aku mendapat panggilan lewat malam. Dalam keadaan mamai aku cuba juga berbual dengannya. Sedar-sedar jam sudah menunjukkan pukul satu pagi. Hampir sejam lebih kami berbual. Ah! Dia begitu bijak melayan perbualan. Waktu yang lama kurasakan singkat sekali. Tetapi aku tidak dapat menahan rasa mengantukku lalu meminta diri untuk tidur. Dan, malam itu lenaku nyenyak sekali.

Bersambung.....



isind
ouisi

ADIK SAYANG

ARIFAH FASHA BINTI ROSMANI

Al-Fatihah
Anith Farhana Binti
Rosmani
(9/5/1987 - 12/6/2023)



Setiap hari air mataku bergenang.
Seringkali terkenang sesosok tubuh yang kusayang.
Senyum manis dan tawanya yang girang.
20 tahun hidupnya dengan penyakit buah pinggang.
Seawal usia 16 tahun adik berjuang.
Saban hari dengan tabah dan sabar meneruskan kehidupan.
Adakala air matanya menitis keletihan dan kepenatan.
Namun pengharapan dan doanya tidak pernah lekang.
Hatinya sentiasa tenang dan tidak putus harapan.
Genap 36 tahun umurnya adik kembali kepada Tuhan.
Sahabat terbaik yang telahku hilang.
Segala kepahitan dan kegembiraan dialah tempatku luahkan.
Namun aku tahu di sana dia lebih damai dan tenang.
Berbahagiaalah adik di taman syurga penuh keindahan.
Di sisi tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.
Tunggulah adik nanti kakak datang.
Berpegang tangan berjalan beriringan.
Di syurga firdaus dengan belas kasihan dan rahmat Tuhan.

Ingatlah... Namun Andai Itu Terjadi

ELLY JOHANA BINTI JOHAN

Ingatlah...

Allah, Rabb yang menciptakan diri kamu bukan bersifat menghukum
Sifat lembut Allah mengatasi segala sifat keras pada zatNya
Namun andai itu terjadi...
Itu tandanya kau telah terlalu melampaui batas
Derhaka sebagai manusia yang bersifat hamba padaNya

Ingatlah...

Para nabi dan rasul terlalu mengambil berat hal ehwal umatnya
Tekad mahu memberi syafaat dari segera memohon diazab
Namun andai itu terjadi
Itu tandanya kau telah terlalu melampaui batas
Melanggar segala wahyu dan syariat sebagai manusia yang bergelar umat

Ingatlah...

Seorang ibu yang melahirkan sanggup bergadai nyawa demi anaknya
Doanya sentiasa dibibir berbanding sumpah yang ditahan dari lafaznya
Namun andai itu terjadi
Itu tandanya kau telah terlalu melampaui batas
Berlagak menjadi Si Tanggung yang hilang adab sebagai seorang anak

Ingatlah...

Setiap yang dijodohkan ingin membina istana sampai ke syurga
Sakinah, mawaddah dan rahmah mengatasi perasaan dendam di hati
Namun andai itu terjadi
Itu tandanya kau telah terlalu melampaui batas
Sebagai pasangan kau gagal menghargai malah mengkhianati



**INGATLAH...
ADIK BERADIK YANG LAHIR DARI
RASA CINTA AYAH DAN IBU
INGIN SEKALI MENJAGA
SILATURRAHIM BERBANDING
SENGKETA
NAMUN ANDAI ITU TERJADI
ITU TANDANYA KAU TELAH
TERLALU MELAMPAUI BATAS
KAU HILANG HORMAT MALAH
MEMPERLEKEHKAN IKATAN
SEDARAH DAN SEDAGING ITU**

Ingatlah...

Seorang guru mencurahkan sepenuh bakti untuk anak didiknya
 Rasa sayang dan tanggungjawab mengatasi lelah dan kecewa diri
 Namun andai itu terjadi
 Itu tandanya kau telah terlalu melampaui batas
 Sebagai seorang murid kau seolah-olah memakai bonnet PHD

Ingatlah...

Seorang sahabat sejati sentiasa ada untuk menemani
 Rasa kasih dan serasi melebihi rasa kepentingan diri
 Namun andai itu terjadi
 Itu tandanya kau telah terlalu melampaui batas
 Warna hadapan dan belakang dirimu sebagai sahabat diragui

Aku bersimpuh dan memohon dari sudut hati dan sanubari
 Ya Allah berikanlah yang terbaik dalam segala hal yang aku lalui
 Jadikanlah diriku sebagai
 HambaMu yang taat dan direhdai
 Jadikanlah diriku sebagai
 Umat yang dipayungi dengan syafaat
 Jadikanlah diriku sebagai
 Ibu yang berjaya mendoakan anaknya ke syurga
 Jadikanlah diriku sebagai
 Isteri yang mengetuai bidadari yang dimilikinya
 Jadikanlah diriku sebagai
 Saudara ibarat air yang dicincang putus tiada
 Jadikanlah diriku sebagai
 Guru yang amanah, berdedikasi dan bertoleransi
 Jadikanlah diriku sebagai
 Sahabat yang setia dan tidak bermuka-muka
 Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim
 Aku ingin sekali mendapat anugerah husnul khatimah yang
 hakiki
 Aameen Aameen Ameen Ya Rabbal A'lameen

Monolog Kalbu

ME Qalam Ehsan

sampai masanya...

Elly Johana binti Johan



Sampai masanya...

Aku tidak lagi akan menongkah arus
Aku akan hanya terus mengalir dari udik ke muara

Sampai masanya...

Aku tidak lagi berlari dari dikejar sang ombak
Biar kaki dijamah lalu menghempas pantai

Sampai masanya...

Aku tidak lagi cuba menutup jendela menghindar sang bayu
Aku rela urat nadi disapa dalam cengkaman kedinginan

Sampai masanya...

Aku tidak lagi biarkan sang hujan jatuh bersendirian
Hanya membiarkan air mengalir laju membasahi seorang aku

Sampai masanya...

Aku tidak tega lagi mencari perteduhan dari hangatnya sang mentari
Aku ingin terus bersama nur dhuha dalam menerangi rohani

Tiada rajuk di sanubari

Tiada istilah berjauhan hati

Tiada lagi destinasi membawa diri

Segala dan semuanya

Aku cuba untuk redha dan diredhai

Berdamai dengan sunnah alam

Bertenang dengan takdir Ilahi

Satu masa dahulu perit menikam kalbu

Kini hanya tinggal bekas dihati

Sesekali ngilu parut tercuit terasa

Namun tiada lagi mengalir sang air mata

Aku hanya ingin terus akrab denganMu Ya Robbi

Bersimpuh mengabdikan diri

Aku sedar, aku jasad yang tidak memiliki

Aku hanya hak mutlakMu yang abadi

Monolog Kalbu

ME Qalam Ehsan

PALESTIN

Dugaan mu Palestin sangat hebat
 Namun mu tidak mudah disesat
 Walaupun anggota badan mu di kerat dan di siat
 Ubatan dan makanan disekat dengan ketat
 Namun dihati mu kekal dengan yang Esa digenggam erat
 Zikir dan doa sentiasa disemat
 Tidak jemu memohon doa dan pertolongan ke Hadrat
 Tidak lekang solat tahajud dan hajat pada setiap saat

Percayalah... Allah amat dekat
 Pertolongannya bukanlah lambat
 Syuhada terkorban jaminan syurga sebelum kiamat
 Kita bukan seperti mereka belum tentu selamat
 Apa pengorbanan kita dalam satu ummat?
 Membenci musuh Islam yang Allah laknat
 Tapi masih sokong produk negara pengkhianat
 Dimanakah letaknya jiwa dan roh iman kita yang kuat

Regim zionis yahudi tidak pernah serik dan penat
 Rancangan yahudi yang berniat jahat
 Bersengkongkol dengan negara-negara barat
 Memecah belahkan ekonomi dan kesatuan umat Islam menjadi gawat
 Ada yang menjadi tali barut kepada yahudi yang dilaknat
 Namun ingatlah, rencana Allah lebih cantik dan hebat
 Tunggulah balasan kepada pengkhianat Islam maha dasyat
 Maha berat dan gayat

Wahai muslimin dan muslimat pelusuk dunia dari satu zat
 Bersolidaritilah kita memerangi musuh Islam sebelum Gaza dirembat
 Hentikan pembunuhan kaum wanita, orang tua dan kanak-kanak yang tiada kudrat
 Tunggulah... yaaa regim yahudi... kau akan dipukul dan disebat di akhirat
 Kekallah kau terseksa dalam api neraka yang sakit teramat
 Ya Allah peliharalah masiid suci Baitul Maqdis terpelihara selamat
 Selamatkanlah Palestin sebagai tanah Anbiya' yang berkat
 Dipelihara sehingga ke hari kiamat.
 Tidak pernah hilang Palestine sehingga bumi tamat.

Ameen ameen yang Yarabbal a'lamin

Ts. Jamal Ohman

TEKAD DAN SEMANGAT PALESTIN

Elly Johana Binti Johan



Nablus lembah yang subur dan diberkati
 Buah zaitun yang subur tanda semangat tidak pernah luntur
 Bethlehem, Hebron dan Jenin akan terus berdiri gagah
 Walau tenggelam dengan merah darah syuhada

Kalian penghuni bumi para anbiya
 Kalian diuji bertubi-tubi dan dilanyak
 Terlihat seksa dan merana di neraka dunia
 Kalian terpilih sebagai hambaNya yang teristimewa

Setiap titisan darah dan nyawa yang parah
 Pastinya tidak pernah sekali sia-sia
 Pejuang kiblat pertama Masjidil Aqsa
 Kalianlah penghuni syurga Allah di sana

Dari kejauhan ku titipkan harapan yang kudus
 Kita bersatu dalam doa dan tekad yang kuat
 Sesungguhnya Palestin kau tetap dihati
 Kami juga berjuang dengan cara sendiri

Keadilan hakiki pasti untukmu Palestin
 Satu-satunya tuntutan dari segenap alam
 Biarkan suara kebenaran terus bergema
 Hingga keadilan menyapa lalu maruah terbela

Di bumi yang merah Palestin berdiri
 Sejuta kisah pilu meresapi hati.
 Palestin merintih, diceroboh dan dikepung
 Tanah keramat menjadi saksi bisu penderitaan

Tirai hitam membentangi langit biru
 Takdir yang dipertikaikan di atas tanah yang diwarisi
 Citra luka dalam sejarah duka berdarah
 Melintasi padang pasir menyusuri setiap dakwat perjuangan

Saat letupan bom menghancurkan lumatkan
 Percayalah, ketika itu hati kami turut rasa disagat
 Tetapi yang runtuh hanyalah bangunan bukan semangat
 Qunut Nazilah dilaungkan bersama gema Selawat


Biar dijajah, namun Palestin tidak pernah tunduk
 Dari utara hingga selatan, segenap arah timur dan barat
 Gaza ditepian Laut Medditeranean yang luas dan dalam
 Dihempas badai, tetapi tetap teguh tidak berkecai

Baitulmaqdis ibu kota Palestin yang hakiki
 Pasti satu hari bendera rasmi berkibar seluruh pelusuk negeri
 Ramallah kota penuh semangat dan cita yang tersulam
 Gagah dan teguh di pergunungan yang utuh dan damai



MARI MENGENAL SEMPADAN NEGARA PALESTIN

ELLY JOHANA JOHAN & SYARIFAH ADILAH MOHAMED YUSUF



MELINTANG

- 1. Bagian selatan Palestin bersempadan dengan?
- 4. Bagian barat Palestin bersempadan dengan laut?
- 5. Bagian utara Palestin bersempadan dengan?

MENEGAK


- 2. Bagian timur laut Palestin bersempadan dengan?
- 3. Bagian timur Palestin bersempadan dengan?

1. MESIR 2. SYRIA 3. JORDAN 4. MEDITERRANEAN 5. LUBAN

EXPLANATIONS.

Red names show Exports.
 Red lines on water show Steamer Routes.
 Brown lines on water show Sailing Routes.
 Red lines on land show Railroads.
 Black dotted lines in Asia & Africa show Caravan Routes.
 Black dotted lines in water, Submarine Telegraph Cables.

Ocean Currents in Red.
 Numbers in right margin show degrees of Latitude and length of a degree of Longitude in Miles.
 Steamer & Railroad Routes are divided so as to show distances passed over every 24 hours by fast Steamers and Trains.





اَبُو سَيِّدِي تَيْكُو لَو كَج مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin

JABATAN SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK

UiTM CAWANGAN PULAU PINANG

13500 PERMATANG PAUH

PULAU PINANG

eISSN 2637-0077



9 772637007004